



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Zon Pantai Timur

P086 MARAN

Laporan Disediakan Oleh: Siti Noraiysah bt Rohim



Laporan Pemetaan Isu Parlimen

P.086 Maran

Disediakan oleh:
Siti Noraiysah Rohim

KATA ALUAN

I

KATA PENGANTAR

V

PENGENALAN BAHAGIAN A

VII

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU

1-26

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 30 - 36

- 1.1 Geografi/Topografi 31
- 1.2 Komposisi Penduduk 32
- 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 33
- 1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 34

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 37- 40

- 2.1 Pendekatan Kajian 37
- 2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 39
- 2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 39
- 2.4 Keterbatasan Kajian 40

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 41 - 49

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 50 - 127

- 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 50
- 4.2 Pengutamaan Isu 120

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN 128 - 131

6.0 RUJUKAN 130

P.086 MARAN

KATA ALUAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH MOHD YUSOFF
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Rantau Panjang (P.023)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya yang kesempatan untuk penerbitan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 bagi Jilid Zon Timur ini direalisasikan. Penerbitan ini melambangkan komitmen berterusan pelbagai pihak dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Sebagai Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya amat menghargai peluang ini untuk menyatakan sokongan terhadap usaha yang memberi ruang kepada suara masyarakat akar umbi dalam perancangan pembangunan negara. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) berfungsi sebagai panduan penting dalam memastikan pembangunan negara bergerak secara terangkum, dengan menitikberatkan pertumbuhan ekonomi dan pembentukan pekerjaan, kesejahteraan sosial, pemeliharaan alam sekitar dan tadbir urus yang baik. Sejak tahun 2019, inisiatif berterusan ini telah membuktikan bahawa penyertaan komuniti dalam mengenal pasti keperluan serta cabaran mereka mampu memperkukuh dasar dan tindakan yang lebih adil serta cekap dan berkesan.

Zon pantai timur memiliki keperibadian tersendiri melalui kepelbagaian bentuk geografi dan sosialnya yang merangkumi kawasan pesisir, luar bandar serta bandar. Setiap kawasan memperlihatkan cabaran yang khusus namun juga berpotensi besar untuk dimajukan. Pendekatan yang merangkum dan bersepadu diperlukan bagi memastikan pembangunan yang dirancang benar-benar membawa manfaat kepada masyarakat setempat dan menyumbang kepada kemajuan negara secara keseluruhan.

Proses pemetaan isu pada tahun 2025 ini mengekalkan pendekatan kajian lapangan melalui sesi libat urus bersama Ahli-ahli parlimen, komuniti dan pemimpin tempatan, agensi dan jabatan kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Laporan yang dihasilkan merupakan suatu usaha yang baik untuk menonjolkan cerita rakyat dan realiti sosial yang dihadapi oleh pelbagai komuniti setempat. Saya yakin laporan ini akan menjadi rujukan yang bermanfaat kepada semua pihak, khususnya pembuat dasar dan agensi pelaksana di semua peringkat pentadbiran, dalam memastikan tiada komuniti yang tercicir. Pencapaian SDG memerlukan iltizam dan tindakan yang berterusan daripada semua pihak untuk menjamin kesejahteraan masyarakat yang berkekalan.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen yang terlibat, komuniti akar umbi serta agensi kerajaan persekutuan, negeri serta daerah dan pihak berkuasa tempatan yang telah memberi komitmen dan sokongan padu. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 Zon Pantai Timur ini.

Mudahan usaha yang dirintis ini menjadi asas yang kukuh dalam memperkasa agenda pembangunan mampan di Malaysia, bagi kawasan pantai timur khususnya, dan demi kemajuan mampan masyarakat dan negara secara umumnya. Semoga Allah S.W.T memberkati keyakinan dan landasan kita untuk membangunkan negara Malaysia yang seimbang.

Sekian, terima kasih.

YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

Wakil Sekretariat APPGM-SDG



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan..

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	5
Jilid 3	Zon Tengah	3	4
Jilid 4	Zon Selatan	6	2
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	1
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuklah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

Pengenalan


DR. SITI NUR AIN ZAKINUDDIN

Ketua Zon Pantai Timur, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program perlaksanaan yang realistik dan terukur.

PEMETAAN ISU DI ZON PANTAI TIMUR

Kajian pemetaan isu yang dijalankan di Parlimen Maran, Besut, Kota Bharu, dan Pasir Puteh mendedahkan landskap sosio-ekonomi yang seragam namun berdepan cabaran yang sama. Secara umum, ciri demografi yang paling ketara bagi parlimen Maran, Besut, Pasir Puteh, dan Kota Bharu ialah populasi yang didominasi oleh etnik Melayu dengan peratusan yang sangat tinggi. Selain itu, kawasan-kawasan ini juga mempunyai peratusan Bumiputera yang tinggi dan majoriti penduduk beragama Islam. Keempat-empat Parlimen ini dicirikan oleh ekonomi yang bergantung kepada sektor primer seperti pertanian, perikanan, dan perniagaan mikro. Kawasan ini merangkumi geografi yang pelbagai, daripada pesisir pantai dan dataran rendah sawah padi hingga ke penempatan Orang Asli dan FELDA di pedalaman. Walaupun terdapat pusat bandar kecil seperti Kota Bharu dan Jerreh, kebanyakan penduduk terlibat dalam ekonomi tidak formal yang mudah terkesan dengan perubahan pasaran dan iklim. Isu-isu yang ditemui Adalah saling berkaitan merentasi komuniti, seperti akses terhad kepada kemudahan asas, cabaran ekonomi, dan risiko alam sekitar, yang memerlukan pendekatan penyelesaian yang bersepadu.

Tiga isu utama yang dikenal pasti merentas semua parlimen ini adalah peningkatan kos sara hidup dan input ekonomi, kekurangan peluang pekerjaan serta migrasi belia, dan degradasi alam sekitar termasuk bencana berulang. Peningkatan kos input seperti baja, racun, makanan haiwan, dan barangan asas memberi tekanan kepada petani, penternak, nelayan, dan peniaga kecil. Di Besut dan Pasir Puteh, penternak ikan yang mengusahakan ikan sangkar seperti tilapia dan patin menanggung kos makanan yang tinggi, manakala petani di Kota Bharu berdepan kenaikan harga input pertanian yang mendadak termasuklah harga baja dan racun. Selain itu, kekurangan peluang pekerjaan yang setara dengan kelayakan menyebabkan belia berhijrah ke bandar besar, diperburuk oleh persaingan dengan pekerja asing dan pekerjaan bergaji rendah. Degradasi alam sekitar pula berpunca daripada aktiviti seperti pengorekan pasir, pembalakan, dan pembinaan East Coast Rail Link (ECRL) yang menyebabkan banjir. Hakisan pantai juga menjadi ancaman serius kepada komuniti pesisir Pantai terutamanya nelayan di Besut dan Pasir Puteh.

Penemuan ini adalah penting untuk merangka strategi intervensi yang didasarkan. Isu-isu ini saling berkaitan, membentuk kitaran kerentanan yang kompleks di mana kenaikan kos sara hidup mengikis pendapatan yang terhad. Kekurangan pekerjaan memaksa belia berpindah, menjejaskan pembangunan tempatan. Bencana alam dan degradasi alam sekitar pula mengancam mata pencarian utama seperti pertanian dan perikanan. Oleh itu, penyelesaian jangka pendek dan sederhana harus menumpukan kepada program pemerkasaan ekonomi yang inovatif, latihan kemahiran yang relevan dengan pasaran tempatan, serta pengurusan risiko bencana dan alam sekitar yang lebih berkesan. Kerjasama pelbagai peringkat antara agensi kerajaan, sektor swasta, dan komuniti setempat adalah kunci untuk memastikan intervensi ini bersifat holistik dan dapat membina daya tahan masyarakat Pantai Timur dalam menghadapi cabaran masa depan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENCI-AGENCI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamsul Kahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHA	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHA	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P086	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P021	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P028	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENCI-AGENCI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Raine Melissa Riman
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

SEKALUNG PERGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyelidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelaras Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu P.086 Maran

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN MARAN, YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL ABD. MUTTALIB



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

12-14 Apr 2025
(Sabtu - Isnin)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Ibu Tunggal
2. Lawatan Tapak 1: Bukit Kertau
3. FGD 2: Komuniti Orang Asli
4. FGD 3: Komuniti Kampung Pejing

HARI 3

10. FGD 7: Komuniti Orang Kurang Upaya (OKU)
11. Lawatan Tapak 4: Taman Eko-Rimba Lubuk Yu
12. FGD 8: Komuniti India
13. FGD 9: Komuniti Penerima Rumah Pemberian Kerajaan

HARI 2

5. FGD 4: Komuniti Nelayan Darat
6. Lawatan Tapak 2: Taman Rekreasi Che Minah Sayang
7. FGD 5: Komuniti Belia
8. FGD 6: Komuniti Cina
9. Lawatan Tapak 3: Sekitar Kg Srijaya dan Taman Sri Jaya


PASUKAN PENYELIDIK



SITI NORAIYSAH
(Ketua Penyelidik)



ANTHONY TAN



AFIQAH ABDUL MALIK



**DARSHINI A/P
RAWICHANDRAN**

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 12 – 14 APR 2025 (SABTU – ISNIN)

01



17 Januari 2024
Mesyuarat Awalan

02



09 Februari 2025
Mesyuarat Pemprofilan

03



11 Mac 2025
Kunjungan Hormat

06



12 April 2025
FGD 2: Komuniti Orang Asli

05



12 April 2025
Lawatan Tapak 1: Bukit Kertau

04



12 April 2025
FGD 1: Komuniti Ibu Tunggal

07



12 April 2025
FGD 3: Komuniti Kampung Pejing

08



13 April 2025
FGD 4: Komuniti Nelayan Darat

09



13 April 2025
Lawatan Tapak 2: Taman Rekreasi Che Minah Sayang

12



13 April 2025
Lawatan Tapak 3: Sekitar Kg Srijaya
Dan Taman Sri Jaya

11



13 April 2025
FGD 6: Komuniti Cina

10



13 April 2025
FGD 5: Komuniti Belia

13



14 April 2025
FGD 7: Komuniti Orang Kurang Upaya
(OKU)

14



14 April 2025
Lawatan Tapak 4: Taman Eko-Rimba
Lubuk Yu

15



14 April 2025
FGD 8: Komuniti India

16

14 April 2025
FGD 9: Komuniti Penerima Rumah
Pemberian Kerajaan





17 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat Awalan bagi Parlimen Maran telah diadakan bersama YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Abd. Motalib. Sesi ini turut dihadiri oleh Dr. Wan Suzita dan Siti Noraiysah, di mana perbincangan tertumpu kepada persiapan pelaksanaan gerak kerja polisi solusi di kawasan Parlimen. YB Dato' Sri bersetuju dengan tarikh lawatan tapak, yang dijadualkan pada 12 hingga 14 April 2025, bagi mengenal pasti isu utama di kawasan tersebut dan merancang intervensi yang bersesuaian.



09 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Satu sesi mesyuarat pemprofilan bagi Parlimen Maran telah diadakan di Bangunan Utama, Parlimen Malaysia, dengan kehadiran YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib serta Pegawai Khas, Encik Zamil Zamri. Perbincangan dalam mesyuarat ini tertumpu kepada tentatif lawatan tapak yang dijadualkan berlangsung pada 8 hingga 10 April 2025. Sebagai langkah seterusnya, sesi perbincangan lanjutan akan diadakan bagi memperkemaskan jadual dan persiapan lawatan, dengan tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.



11 MAC 2025 - KUNJUNGAN HORMAT

Satu kunjungan hormat telah diadakan ke Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Maran dengan tujuan untuk membincangkan potensi kerjasama dalam pelaksanaan sesi dialog antara agensi, program pembangunan kapasiti, serta inisiatif-inisiatif lain yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Sesi ini dihadiri oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Encik Shahree Anwar bin Mahmud, dan Penghulu Luit 1, Encik Khairul Amin bin Osman. Semasa sesi ini, beberapa perkara penting telah dibincangkan, terutamanya mengenai kumpulan sasaran dan isu-isu setempat yang memerlukan perhatian. Pihak PDT Maran juga menyatakan komitmen penuh mereka untuk bekerjasama dan berharap agar inisiatif yang dirancang dapat membawa perubahan positif serta memberi impak yang berkesan kepada komuniti tempatan. Selain itu, pihak PDT Maran juga telah bersetuju untuk mempengerusikan Sesi Libat Urus bersama Agensi Kerajaan yang akan diadakan pada 29 April 2025 nanti.



FGD 1: KOMUNITI IBU TUNGGAL

Sesi FGD 1 bersama komuniti ibu tunggal telah diadakan di Pejabat Penghulu, Mukim Bukit Segumpal dengan penyertaan seramai 19 orang. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** bekalan air bersih yang tidak tetap dan sering terputus disebabkan tekanan air yang rendah serta kerja-kerja pembaikan loji, yang berlaku di beberapa kampung; **(2)** pemberian bantuan yang dilihat mempunyai unsur pilih kasih; dan **(3)** kos mendapatkan lesen kenderaan yang tinggi dan di luar kemampuan kerana ketiadaan pendapatan tetap.



LAWATAN TAPAK 1: BUKIT KERTAU

Sesi lawatan bersama penghulu dan pasukan penyelidik APPGM-SDG. Bukit kertau merupakan titik rujukan dalam sistem rujukan koordinat baki aktiviti - aktiviti pemetaan dan ukur kadaster yang juga dikenali sebagai datum kertau. Sekarang kawasan ini juga menjadi tarikan bagi aktiviti eko-tourism. Terdapat cadangan juga untuk ubah guna petempatan banjir sebagai tempat inap desa bagi pengunjung Bukit Kertau.



FGD 2: KOMUNITI ORANG ASLI

Sesi FGD 2 bersama komuniti Orang Asli telah diadakan di Balai Raya Kampung Paya Besar Kertau dengan penyertaan seramai 12 orang peserta. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** isu pengazetan tanah Orang Asli. Kawasan Kampung Paya Besar masih belum digazetkan, sekali gus menimbulkan isu sempadan antara tanah Orang Asli dan orang Melayu; **(2)** kesukaran mendapatkan akses kepada bekalan air bersih dan elektrik, khususnya dalam mendapatkan kelulusan untuk pemasangan di rumah-rumah baharu; dan **(3)** masalah banjir yang kerap berlaku di kawasan kampung menyebabkan gangguan kepada anak-anak untuk ke sekolah akibat terputusnya jalan perhubungan.




FGD 3: KOMUNITI KAMPUNG PEJING

Sesi FGD 3 bersama komuniti telah diadakan di Balai Raya Kampung Pejing dengan kehadiran seramai 11 orang peserta. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** isu ketersambungan internet di kawasan kampung, di mana walaupun terdapat dua pencawang komunikasi berhampiran, jaringan internet masih bertompok dan tidak lancar; **(2)** kewujudan ikan spesies invasif seperti ikan baung ekor merah yang mengancam ekosistem sungai tempatan dan seterusnya menjejaskan punca pendapatan nelayan darat; dan **(3)** penyampaian maklumat yang tidak menyeluruh, menyebabkan sebahagian penduduk tidak menerima maklumat berkaitan bantuan yang disediakan.



FGD 4: KOMUNITI NELAYAN DARAT

Sesi FGD 4 bersama komuniti telah diadakan di Pejabat Penghulu Mukim Chenor Bandar dengan penyertaan seramai 14 orang peserta. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** gangguan ikan spesies invasif seperti ikan baung ekor merah yang mengancam ekosistem sungai tempatan serta mengganggu punca pendapatan nelayan darat, selain gangguan daripada memerang terhadap ternakan ikan sangkar; **(2)** bantuan yang disediakan kepada nelayan darat yang tidak mencukupi dan tidak menyeluruh, di mana elaun sara hidup nelayan sebanyak RM250 sebulan tidak memadai untuk menampung kos hidup; dan **(3)** kos peralatan menangkap ikan yang tinggi serta kos makanan ikan sangkar yang tidak sepadan dengan hasil yang diperoleh oleh komuniti nelayan darat.



LAWATAN TAPAK 2: TAMAN REKREASI CHE MINAH SAYANG

Sesi lawatan bersama penghulu dan pasukan penyelidik APPGM-SDG ke taman rekreasi che minah sayang. Taman rekreasi che minah sayang salah satu tarikan menari bagi aktiviti eko-pelancongan di Parlimen Maran. Terdapat pelbagai kemudahan disediakan di taman rekreasi ini seperti tempat meletak kereta, gazebo, surau, tandas dan kerusi meja bagi kemudahan pengunjung.



FGD 5: KOMUNITI BELIA

Sesi FGD 5 bersama komuniti telah diadakan di Pejabat Penghulu Mukim Chenor (Jengka/Kuala Sentul) dengan penyertaan seramai 14 orang peserta. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** peluang pekerjaan yang terhad bagi golongan belia tempatan; **(2)** kecenderungan golongan belia wanita untuk berkahwin muda dengan pasangan sebaya; dan **(3)** jaringan internet yang lemah atau terhad, di mana hanya kawasan pusat bandar Maran mendapat liputan 5G manakala kawasan kampung hanya mendapat liputan 4G.



FGD 6: KOMUNITI CINA

Sesi FGD 6 bersama komuniti telah diadakan di Dewan Sri Jaya dengan penyertaan seramai 16 orang peserta. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** peluang pekerjaan yang terhad bagi golongan belia tempatan akibat kekurangan pekerjaan dan aktiviti pembangunan sosioekonomi; **(2)** kesukaran mendapatkan lesen pendudukan sementara dan geran hak milik yang menyebabkan penduduk kehilangan mata pencarian secara tidak langsung; dan **(3)** kemudahan dan infrastruktur yang tidak memuaskan seperti jalan yang tidak berturap, ketiadaan garisan jalan raya dan lampu jalan, serta risiko banjir yang mengancam keselamatan penduduk kampung.



LAWATAN TAPAK 3: SEKITAR KG SRIJAYA DAN TAMAN SRI JAYA

Para penyelidik APPGM-SDG dibawa melawat kawasan sekitar Kg Srijaya dan Taman Sri Jaya oleh Pegawai Kemajuan Perkampungan Daerah Maran (Bahagian Kampung Baharu), untuk melihat situasi sebenar isu-isu yang telah dikongsikan semasa sesi FGD Komuniti Cina. Pihak sekretariat telah dibawa melihat keadaan jalan yang berlubang dan tidak diselenggara serta kawasan perumahan yang terpaksa menyimpan air di dalam tangki di hadapan rumah bagi menangani isu ketiadaan bekalan air bersih.



FGD 7: KOMUNITI ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Sesi FGD ke-7 melibatkan komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) telah diadakan di PPDK Maran Sejahtera dengan penyertaan seramai lapan orang peserta yang terdiri daripada pihak pengurusan PPDK serta ibu bapa kepada pelatih-pelatih. Antara isu utama yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kadar elaun tenaga pengajar yang rendah, iaitu sekitar RM1,200 sebulan yang dianggap tidak setimpal dengan beban tugas dan tanggungjawab yang dipikul; **(2)** kekurangan kursus peningkatan kemahiran, di mana tenaga pengajar PPDK tidak mendapat akses mencukupi kepada program latihan yang dapat membantu menambah baik pendekatan pengajaran mereka; dan **(3)** ketiadaan perlindungan insurans bagi pelatih, yang menimbulkan kebimbangan berkaitan kebajikan anak-anak OKU yang mengikuti latihan di PPDK.



LAWATAN TAPAK 4: TAMAN EKO-RIMBA LUBUK YU

Lawatan tapak telah diadakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG bersama Penghulu ke Taman Eko-Rimba Lubuk Yu, yang merupakan antara tarikan utama eko-pelancongan di Parlimen Maran. Taman rekreasi ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti tempat letak kereta, dewan serbaguna, surau dan tandas bagi keselesaan pengunjung. Selain itu, pihak pengurusan turut menawarkan penganjuran aktiviti-aktiviti yang bersesuaian mengikut bajet dan permintaan. Keunikan taman ini terletak pada penekanan terhadap elemen kelestarian (sustainability) dan pemeliharaan alam sekitar yang diterapkan, menjadikannya sebuah lokasi eko-pelancongan yang bukan sahaja menarik, tetapi juga mendidik dan mesra alam.



FGD 8: KOMUNITI INDIA

Sesi FGD 8 telah diadakan bersama komuniti India bertempat di Dewan Komuniti Kampung Sungai Jerik dengan penyertaan seramai 27 orang peserta. Antara isu utama yang dikenal pasti adalah: **(1)** isu pemilikan dan pembahagian tapak tanah yang didakwa tidak seimbang dalam kalangan penduduk tempatan, sehingga menimbulkan ketidakpuasan hati dan rasa ketidakadilan dalam komuniti; **(2)** pencerobohan ke atas kawasan sempadan tanah perkuburan komuniti India, di mana terdapat aktiviti pertanian yang dijalankan tanpa kebenaran di atas tanah tersebut; dan **(3)** kekurangan peluang pekerjaan, khususnya bagi golongan belia dan wanita, yang menyebabkan ramai penduduk terpaksa berhijrah keluar atau bekerja dalam sektor tidak formal akibat ketiadaan pekerjaan yang stabil.



FGD 9: KOMUNITI PENERIMA RUMAH PEMBERIAN KERAJAAN

Sesi FGD ke-9 telah diadakan bersama komuniti penerima Rumah Pemberian Kerajaan bertempat di Surau Kampung Bak Bak dengan penyertaan seramai 27 orang peserta. Antara isu yang telah dibangkitkan adalah: **(1)** kemudahan awam yang terhad, di mana penduduk mengalami kesukaran mengakses hospital, kedai, pusat pembuangan sampah serta perkhidmatan asas lain disebabkan jaraknya yang jauh dari kawasan penempatan; **(2)** agihan bantuan yang tidak seimbang, dengan golongan penerima yang sama sering mendapat manfaat sehingga menimbulkan rasa terpinggir dalam kalangan penduduk lain; **(3)** kualiti sambungan internet yang lemah dan tidak stabil, yang menjejaskan urusan pembelajaran, pekerjaan dan komunikasi harian; dan **(4)** keperluan untuk penilaian semula reka bentuk serta keadaan fizikal rumah bantuan kerajaan bagi memastikan ia benar-benar memenuhi keperluan dan keselesaan penerima dalam jangka masa panjang.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu
P.086 Maran

Senarai Jadual

Jadual 1	Statistik Keluasan Parlimen Maran
Jadual 2	Statistik Jumlah dan Peratusan Penduduk Parlimen Maran Mengikut Etnik
Jadual 3	Jumlah Penduduk bagi Parlimen Maran Mengikut Jantina
Jadual 4	Struktur Umur Penduduk Parlimen Maran
Jadual 5	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Maran
Jadual 6	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 13	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 14	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 15	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 16	Ringkasan Pengutamaan Isu 1
Jadual 17	Ringkasan Pengutamaan Isu 2
Jadual 18	Ringkasan Pengutamaan Isu 3
Jadual 19	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
APPGM	<i>All-Party Parliamentary Group Malaysia</i>
APPGM-SDG	<i>All-Party Parliamentary Group Malaysia – Sustainable Development Goals</i> (Kumpulan Rentas Parti Parlimen – Matlamat Pembangunan Lestari)
BN	Barisan Nasional
CPO	<i>Crude Palm Oil</i> (Minyak Sawit Mentah)
DUN	Dewan Undangan Negeri
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FGD	<i>Focus Group Discussion</i> (Perbincangan Fokus Berkumpulan)
IAD	<i>Interagency Dialogue</i> (sesi libat urus bersama agensi)
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKR	Jabatan Kerja Raya
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation)
OKU	Orang Kurang Upaya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PKI	Program Khas Integrasi (pendidikan khas — rujuk konteks sekolah menengah di Maran)
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMEs)
PN	Perikatan Nasional
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i> (Matlamat Pembangunan Lestari)
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i> (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN

Parlimen Maran (P.086) adalah sebuah kawasan persekutuan terletak di daerah Maran, negeri Pahang, Malaysia. Ia diwakili oleh seorang Ahli Parlimen di Dewan Rakyat Malaysia sejak kawasan ini diwujudkan pada tahun 1974. Parlimen Maran mula dipertandingkan pada tahun 1974, hasil pecahan daripada kawasan Temerloh dan Pekan. Sejak tahun 2004, Parlimen Maran diwakili oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib. Beliau sebelum ini merupakan ahli UMNO di bawah Barisan Nasional (BN) dan telah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia serta Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada tahun 2022, beliau menyertai Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan bertanding atas tiket Perikatan Nasional (PN) dalam Pilihan Raya Umum ke-15.



YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Abd. Muttalib

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Maran adalah sebuah kawasan parlimen yang berada di bawah pentadbiran Daerah Maran. Daerah Maran ini merupakan salah satu daerah daripada 11 daerah di negeri Pahang dan mempunyai empat mukim, iaitu Mukim Chenor, Luit, Kertau dan Bukit Segumpal. Tambahan, Bandar Maran merupakan sebuah bandar pentadbiran yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran daerah atau dikenali juga sebagai Pusat Pertumbuhan Daerah Sekunder negeri Pahang, di samping menjadi pusat bagi pelbagai institusi kerajaan. Selain itu, bandar ini juga berperanan sebagai tempat persinggahan utama bagi laluan Kuala Lumpur - Kuantan, menjadikannya lokasi strategik untuk pelbagai urusan pentadbiran dan perkhidmatan.

Parlimen Maran terdiri daripada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Luit (N24), DUN Kuala Sentul (N25) dan DUN Chenor (N26). Keluasan Parlimen Maran adalah 1,609-kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 61,932 dan kepadatan penduduk adalah 38 km persegi. Statistik keluasan Parlimen Maran adalah seperti Jadual 1. Jadual 1 telah menunjukkan statistik keluasan Parlimen Maran berdasarkan bancian kependudukan 2020. Daripada segi keluasan kawasan, DUN Luit mempunyai kawasan seluas 641km persegi dengan jumlah penduduk seramai 21,994 dan kepadatan penduduk adalah 34km persegi. Manakala, kawasan DUN Kuala Sentul mempunyai keluasan sebanyak 441 km persegi dan jumlah penduduk seramai 18,846 dengan kepadatan penduduk sebanyak 43 per km persegi. DUN Chenor mencatatkan bilangan keluasan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 527 km persegi dengan 21,092 orang penduduk mengikut kepadatan 40 per km persegi.

Jadual 1. Statistik Keluasan Parlimen Maran

Maklumat Asas	P.086 Maran	N.24 Luit	N.25 Kuala Sentul	N.26 Chenor
Luas kawasan (km ²)	1609	641	441	527
Jumlah penduduk	61,932	21,994	18,846	21,092
Kepadatan penduduk (per km ²)	38	34	43	40

Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, Jabatan Perancangan Malaysia

Daripada segi guna tanah kawasan, kebanyakan kawasan luas di parlimen Maran terdiri daripada kawasan atau tanah pertanian dan hutan yang dapat dilihat menerusi Draft Rancangan Tempatan Daerah Maran 2035 (Penggantian), guna tanah pertanian merupakan guna tanah terbesar, iaitu seluas 106,618.88 hektar (53.90%). Majoriti daripada kawasan pertanian di daerah merupakan pertanian sawit terutamanya di kawasan penempatan berkelompok di Mukim Chenor.

1.2 Komposisi Penduduk

Jumlah penduduk di Parlimen Maran secara keseluruhannya berjumlah 61,932 orang. Daripada jumlah penduduk tersebut, 58,133 atau 93.9 peratus adalah warganegara dengan 3,799 atau 6.1 peratus bukan warganegara. Menerusi jumlah 61,932 orang penduduk di Parlimen Maran ini, sebanyak 57,906 adalah etnik bumiputera, 2,911 adalah daripada etnik Cina, 805 etnik India dan 248 lagi daripada etnik lain-lain.

Jadual 2. Statistik Jumlah dan Peratusan Penduduk Parlimen Maran Mengikut Etnik

BIL.	KAUM	JUMLAH	PERATUS (%)
1.	Bumiputera	57,906	93.5
2.	Cina	2,911	4.7
3.	India	805	1.3
4.	Lain-lain	248	0.4
JUMLAH KESELURUHAN		61,932	100

Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, 2020

Kemudian, daripada segi kategori jantina pula, 33,574 adalah lelaki, manakala 28,358 adalah wanita. Daripada segi pengkategorian umur, golongan antara 0 ke 14 tahun berjumlah sebanyak 26.5 peratus, golongan 15 ke 64 tahun sebanyak 63.8 peratus, dan golongan daripada 65 tahun ke atas adalah 9.7 peratus.

Jadual 3. Jumlah Penduduk bagi Parlimen Maran Mengikut Jantina

BIL.	JANTINA	JUMLAH	PERATUS (%)
1.	Lelaki	33,574	50.9
2.	Perempuan	28,358	49.1
JUMLAH KESELURUHAN		61,932	100

Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, 2020

Jadual 4. Struktur Umur Penduduk Parlimen Maran

BIL.	JANTINA	PERATUS (%)
1.	Penduduk berumur 0-14 tahun	26.5
2.	Penduduk berumur 15-64 tahun	63.8
3.	Penduduk berumur 65 tahun dan lebih	9.7
JUMLAH KESELURUHAN		100

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kegiatan ekonomi utama di Parlimen Maran terdiri daripada pelbagai sektor yang mencerminkan potensi daerah ini dalam bidang pertanian, perindustrian, perdagangan, dan pelancongan. Aktiviti pertanian memainkan peranan utama dalam landskap ekonomi di Parlimen Maran. Aktiviti ini merangkumi tanaman kelapa sawit, getah, sayur-sayuran, dan tanaman kontan yang diusahakan oleh peneroka FELDA serta pekebun kecil tempatan. Pertanian ini juga melibatkan penternakan ayam, lembu, kambing, dan sedikit perikanan air tawar yang menjadi sumber pendapatan bagi komuniti setempat.

Industri perladangan dan perhutanan di Maran dikaitkan rapat dengan kehadiran kawasan FELDA yang luas. Ladang kelapa sawit dan getah diuruskan secara besar-besaran, termasuk oleh syarikat swasta dan koperasi peneroka. Ini memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan mewujudkan rantai ekonomi melalui aktiviti pemprosesan minyak sawit mentah (CPO) dan getah.

Sektor perindustrian dan pembuatan ringan di Parlimen Maran juga memberi sumbangan penting kepada ekonomi daerah. Industri ini berasaskan pemprosesan hasil pertanian seperti kilang minyak sawit, kilang kayu, serta perusahaan kecil sederhana (PKS) dalam sektor makanan dan barangan asas. Aktiviti ini menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan menyokong pembangunan ekonomi yang berdaya tahan.

Sektor pembinaan pula memainkan peranan penting dalam pembangunan infrastruktur di Maran. Aktiviti ini merangkumi projek pembinaan jalan raya, perumahan, kemudahan awam, dan sistem bekalan air yang menyokong keperluan penduduk. Pembangunan infrastruktur ini secara tidak langsung memacu pertumbuhan ekonomi daerah dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Sektor perkhidmatan, perdagangan dan runcit di Maran berkembang pesat sejajar dengan keperluan penduduk dan pelawat. Aktiviti perdagangan runcit dan borong termasuk kedai runcit, pasar mini, bengkel kenderaan, restoran, dan perkhidmatan lain yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi tempatan. Selain itu, perkhidmatan makanan dan minuman serta hotel bajet juga menyokong pertumbuhan sektor ini.

Sektor pelancongan di Maran memberi nilai tambah kepada ekonomi setempat. Tarikan utama seperti kuil Sri Marathandavar menjadi tumpuan pelawat dari dalam dan luar negara. Selain itu, agropelancongan FELDA yang menampilkan pengalaman lawatan ladang, produk pertanian, dan makanan tempatan menjadi pemangkin kepada aktiviti ekonomi berasaskan pelancongan.

Sektor perikanan dan akuakultur, walaupun tidak sebesar sektor lain, tetap menyumbang kepada ekonomi kampung di Parlimen Maran. Aktiviti ini termasuklah penangkapan ikan sungai, ternakan ikan air tawar, dan usaha akuakultur skala kecil yang membekalkan sumber protein serta pendapatan tambahan kepada penduduk.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Kawasan Parlimen Maran yang terletak di negeri Pahang dengan keluasan kawasan 1,609 kilometer persegi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembangunan mampan di kawasan ini. Kawasan ini terdiri daripada kawasan tanah tinggi, tanah pamah dan kawasan lembangan sungai yang memberi kesan langsung kepada perancangan pembangunan sosioekonomi serta pengurusan sumber asli di kawasan tersebut. Dalam konteks Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), lokasi fizikal dan ciri geografi Parlimen Maran mempunyai kaitan yang rapat dengan beberapa matlamat utama seperti berikut:

SDG 1: Tiada Kemiskinan. Kebergantungan penduduk kepada sumber asli seperti pertanian, perikanan dan aktiviti hiliran yang tertumpu di kawasan tanah pamah memerlukan pelaksanaan strategi pembangunan yang inklusif dan bersasar bagi mengurangkan jurang kemiskinan antara kawasan bandar dan luar bandar. Sasaran yang berkaitan termasuk **Sasaran 1.2**, iaitu mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan dalam semua dimensinya menjelang tahun 2030.

SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim. Lokasi Maran yang sering terdedah kepada risiko banjir akibat kedudukannya di kawasan lembangan sungai menuntut perancangan pengurusan risiko bencana yang lebih sistematik dan berkesan untuk melindungi kehidupan dan mata pencarian masyarakat setempat. Ini selaras dengan **Sasaran 13.1**, iaitu mengukuhkan daya tahan dan keupayaan penyesuaian terhadap bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.

SDG 15: Kehidupan Darat. Keadaan geografi Maran yang meliputi kawasan hutan simpan, tanah pertanian dan habitat biodiversiti menjadikan usaha pemuliharaan serta penggunaan mampan sumber asli satu keutamaan dalam agenda pembangunan. Sasaran yang berkaitan termasuk **Sasaran 15.1**, iaitu memelihara, memulihkan dan menggunakan secara mampan ekosistem daratan dan air tawar, serta **Sasaran 15.2** yang memberi tumpuan kepada pengurusan hutan secara mampan dan penghentian penebangan hutan secara haram.

Keduanya, ekonomi tempatan Parlimen Maran secara umumnya bertunjangkan kepada sektor pertanian, perladangan dan perniagaan kecil yang memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada sumber pendapatan penduduk setempat. Aktiviti ekonomi ini tertumpu di kawasan tanah pamah dan pinggir bandar yang membolehkan pembangunan tanaman makanan, getah, kelapa sawit serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Struktur ekonomi yang berasaskan sektor primer ini menjadikan komuniti tempatan bergantung kepada sumber semula jadi dan berhadapan dengan cabaran turun naik pasaran serta faktor cuaca yang tidak menentu. Dalam konteks SDG, keadaan ekonomi tempatan Maran mempunyai hubungan rapat dengan beberapa matlamat utama berikut:

SDG 1: Tiada Kemiskinan. Kebergantungan ekonomi kepada sektor pertanian dan perladangan menyebabkan sebahagian besar penduduk terdedah kepada risiko ketidaktentuan harga pasaran, impak bencana alam serta kekurangan akses kepada kemudahan sokongan pertanian dan perlindungan sosial. Ini menuntut pelaksanaan strategi bersepadu untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan memperkukuh jaringan keselamatan sosial. Sasaran yang berkaitan termasuk **Sasaran 1.2**, iaitu mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kemiskinan dalam semua dimensinya dan **Sasaran 1.5**, iaitu membina daya tahan terhadap bencana alam sekitar, ekonomi dan sosial

SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi. Ekonomi tempatan Maran menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat melalui perusahaan kecil, aktiviti perladangan dan perniagaan runcit.

Namun begitu, kebergantungan kepada pekerjaan berkemahiran rendah dan bergaji rendah menunjukkan keperluan kepada program peningkatan kemahiran, latihan teknikal serta akses pasaran yang lebih luas bagi memperkukuh daya saing. Sasaran berkaitan ialah **Sasaran 8.3**, iaitu menggalakkan pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta penciptaan pekerjaan produktif dan kerja yang layak.

Ketiga, kawasan Parlimen Maran mempunyai keunikan tersendiri yang menyokong potensi pembangunan lestari di peringkat tempatan, khususnya dalam sektor pelancongan alam semula jadi. Antara lokasi tumpuan utama adalah Taman Ecorimba Lubuk Yu yang terletak di kawasan hutan hujan tropika dan terkenal dengan landskap semula jadi yang memukau serta suasana yang menenangkan. Taman ini bukan sahaja berfungsi sebagai lokasi rekreasi, malah turut dibangunkan dengan matlamat untuk memelihara persekitaran semula jadi dan menjadi pusat pendidikan alam sekitar kepada pengunjung. Selain itu, Air Terjun Teladas 7 turut menjadi daya tarikan utama bagi pelancong yang menggemari keindahan alam semula jadi. Potensi pelancongan lestari di kawasan ini bukan sahaja mampu menarik kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa, malah berupaya merangsang ekonomi tempatan. Inisiatif ini selaras dengan SDG, khususnya:

SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi, terutamanya **Sasaran 8.9**, iaitu Menjelang 2030, susun dan laksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan.

SDG 15: Kehidupan Darat, khususnya **Sasaran 15.1** iaitu memastikan pemeliharaan, pemulihan dan penggunaan secara mampan terhadap ekosistem daratan dan air pedalaman serta perkhidmatan yang disediakannya, terutamanya hutan, tanah lembap, gunung-ganang dan kawasan kering, selaras dengan kewajipan di bawah perjanjian antarabangsa, serta **Sasaran 15.4** iaitu memastikan pemuliharaan ekosistem gunung yang penting untuk kelestarian biodiversiti.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Data ini dikumpulkan melalui kaedah lapangan dan perbincangan kumpulan fokus. Kaedah pengumpulan data dimulakan dengan mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Maran pada 17 Januari 2025 bersama YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Abd. Mutalib di Bandar Maran. Sesi ini turut dihadiri oleh Dr. Wan Suzita dan Siti Noraiysah sebagai wakil daripada APPGM-SDG.

Sesi ini dimulakan dengan sesi pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia-Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) oleh Dr. Wan Suzita sebelum dilanjutkan oleh Cik Siti Noraiysah berkenaan proses pemetaan isu. Tujuan perbincangan ini dilakukan untuk membentangkan gerak kerja APPGM semasa pemetaan isu di Parlimen Maran dan juga untuk mengenalpasti isu-isu di kawasan kajian dan kumpulan komuniti yang akan difokuskan. Kemudian, satu Mesyuarat Pembentukan Profil Penempatan (Profiling) telah dilakukan pada 9 Februari 2025 di Bangunan Utama, Parlimen Malaysia. Mesyuarat ini dihadiri oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib serta Pegawai Khas, Encik Zamil Zamri. Mesyuarat yang dijalankan bertujuan membincangkan lebih jelas berkenaan isu-isu dan sasaran kumpulan komuniti, seterusnya pelan pelaksanaan lawatan tapak yang akan berlangsung di Parlimen Maran.

Sesi pra-lawatan (pre-visit) juga telah dilakukan pada 11 Mac 2025 di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Maran, Pahang. Sesi ini dihadiri oleh wakil APPGM-SDG, Cik Siti Noraiysah selaku Ketua Penyelidik dan Puan Nurul Syaza. Pada sesi ini, Pegawai Daerah telah mewakili Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Encik Shahree Anwar bin Mahmud dan Penghulu Luit 1, Encik Khairul Amin bin Osman. Tujuan utama sesi pra-lawatan ini adalah untuk memberi gambaran awal gerak kerja APPGM-SDG dan memberi makluman lawatan tapak tiga hari yang akan dijalankan di Parlimen Maran.

Sesi kunjungan hormat ini turut membincangkan potensi kerjasama dalam pelaksanaan sesi dialog antara agensi, program pembangunan kapasiti, serta inisiatif-inisiatif lain yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Dalam sesi ini, beberapa perkara penting telah dibincangkan, khususnya mengenai kumpulan sasaran dan isu-isu setempat yang memerlukan perhatian. Pihak PDT Maran telah menyatakan komitmen penuh mereka untuk bekerjasama dalam menjayakan inisiatif yang dirancang agar dapat membawa perubahan positif dan memberi impak yang berkesan kepada komuniti tempatan. Seterusnya, sesi lawatan tapak telah dijalankan selama tiga hari bermula dari 12 sehingga 14 April 2025. Teknik yang telah digunakan adalah melalui cara perbincangan fokus berkumpulan (FGD) secara bersemuka.

Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Maran adalah seperti berikut:

1. Siti Noraiysah Rohim : Ketua Penyelidik
2. Anthony Tan Kee Huat : Mantan Pengarah Kanan
3. Afiqah bt Abdul Malik : Pembantu Penyelidik
4. Darshini A/P Rawichandran : Pembantu Penyelidik

Secara keseluruhannya, terdapat 9 kumpulan komuniti utama dengan 9 sesi dialog dan 3 sesi lawatan dilaksanakan sepanjang kajian lapangan 3 hari berkenaan. Program untuk kajian yang dijalankan dapat dirujuk seperti di Jadual 5:

Jadual 5. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Maran

TARIKH	PERKARA
12 April 2025 , Sabtu	• Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal • Dialog Bersama Komuniti Orang Asli di Kg Paya Besar • Dialog Bersama Komuniti Mangsa Banjir di Kampung Pejing • Lawatan Tapak ke Bukit Kertau
13 April 2025 , Ahad	• Dialog Bersama Nelayan Darat • Lawatan Tapak ke Taman Rekreasi Che Minah Sayang • Dialog Bersama Komuniti Belia • Dialog Bersama Komuniti Cina • Lawatan Tapak ke Sekitar Kg Srijaya dan Taman Sri Jaya
14 April 2025 , Isnin	• Dialog Bersama Komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) • Lawatan Tapak ke Taman Eko-Rimba Lubuk Yu • Dialog Bersama Komuniti India • Dialog Bersama Komuniti Penerima Rumah Pemberian Kerajaan
13 Mei 2025 , Selasa	• Sesi Dialog antara Agensi bersama Pejabat Daerah dan Tanah Maran

Satu mesyuarat dialog antara agensi juga dijalankan pada 13hb Mei 2025, dan dipengerusikan oleh Encik Shahree Anwar bin Mahmud, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Pejabat Daerah dan Tanah Maran. Agenda mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pejabat daerah dan juga agensi-agensi kerajaan berkaitan isu-isu yang telah dikenal pasti dan dicatatkan oleh pasukan penyelidik. Mesyuarat ini dihadiri oleh Cik Siti Noraiysah, Dr. Siti Nur Ain, Encik Anthony Tan dan Cik Syadhira.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Terdapat beberapa perkara yang dititikberatkan sepanjang kajian lapangan, iaitu Ketua Penyelidik akan memberikan ucapan alu-aluan dan memberitahu bahawa kajian pemetaan isu ini adalah bersifat kualitatif sebelum sesi perbincangan dalam kumpulan dimulakan. Ketua Penyelidik turut mendapatkan persetujuan daripada para peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju yang apa dikatakan akan direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana medium. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Maran tiada halangan yang berlaku daripada segi pengambilan video, gambar dan audio.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang pelaksanaan lawatan tapak selama tiga hari di Parlimen Maran, beberapa kekangan telah dikenalpasti yang memberi kesan kepada kelancaran sesi dialog dan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama komuniti setempat. Walaupun kekangan ini berlaku, langkah-langkah penyesuaian telah diambil bagi memastikan perjalanan program berjalan dengan lancar dan objektif kajian tetap dapat dicapai.

Antara kekangan utama yang dihadapi adalah penggunaan bahasa semasa sesi FGD, khususnya melibatkan komuniti Cina dan India yang lebih selesa berkomunikasi dalam bahasa ibunda masing-masing. Ini menimbulkan sedikit kesulitan daripada segi kefahaman dan pengumpulan data secara langsung. Bagi menangani isu ini, pihak penyelidik telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan bantuan daripada wakil peserta yang hadir bagi menterjemahkan perbincangan kepada bahasa Melayu atau Inggeris. Pendekatan ini berjaya memastikan kelangsungan sesi tanpa menjejaskan kualiti dapatan.

Terdapat juga isu kelewatan kehadiran peserta dalam beberapa sesi, khususnya melibatkan komuniti ibu tunggal. Kelewatan ini sedikit sebanyak menjejaskan susun atur masa sesi FGD yang telah dijadualkan. Sebagai langkah penyelesaian, ketua penyelidik telah mengambil keputusan untuk membahagikan kumpulan dan meminta penyelidik lain mengendalikan satu sesi tambahan khusus bersama kumpulan peserta yang hadir lewat. Tindakan ini membolehkan semua pandangan dan input daripada peserta yang terlibat tetap direkodkan secara menyeluruh.

Beberapa sesi FGD dan lawatan tapak mengalami perubahan lokasi pada saat akhir. Walau bagaimanapun, kekangan ini tidak memberi kesan besar terhadap pelaksanaan program secara keseluruhan. Hal ini kerana petugas utama di lapangan (*person-in-charge*) berjaya memaklumkan peserta dan menguruskan kehadiran semula dengan cekap. Ini menunjukkan kecekapan logistik dan sokongan komuniti yang baik di lapangan.

Dalam beberapa sesi, tajuk asal sesi FGD perlu disesuaikan semula apabila didapati isu utama yang dibincangkan tidak menepati fokus asal. Sebagai contoh, sesi FGD yang dijadualkan sebagai Dialog Bersama Komuniti Mangsa Banjir di Kampung Pejing ternyata lebih banyak membincangkan isu selain banjir. Justeru, cadangan dikemukakan agar nama sesi ditukar kepada Dialog Bersama Komuniti Kampung Pejing bagi menggambarkan konteks sebenar dan lebih inklusif terhadap isu-isu yang diketengahkan oleh komuniti.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan kajian bagi Parlimen Maran dapat dikenalpasti melalui beberapa aspek utama. Pertama, kehadiran peserta dalam sesi dialog dengan harapan mendapatkan bantuan atau manfaat tertentu telah menjejaskan objektiviti kajian. Para penyelidik menghadapi kesukaran dalam memastikan sesi dialog benar-benar menumpukan kepada isu-isu mendesak kerana peserta cenderung memberikan jawapan yang berorientasikan bantuan yang diinginkan. Sebagai contoh, dalam sesi dialog bersama ibu tunggal, peserta memberikan maklum balas yang lebih cenderung kepada aspek bantuan berbanding permasalahan sebenar yang mereka hadapi. Kesukaran ini turut menyebabkan para penyelidik menghadapi cabaran dalam mengalihkan fokus perbincangan daripada isu bantuan semata-mata kepada isu-isu lain yang lebih mendesak dalam komuniti tersebut.

Tambahan, kekurangan kerjasama daripada peserta dalam sesi dialog turut menjadi salah satu batasan kajian. Dalam beberapa sesi, hanya ketua atau wakil peserta yang aktif berbicara dan memberikan pendapat, manakala peserta lain kurang terlibat dalam perbincangan. Hal ini mengakibatkan data yang diperoleh kurang menyeluruh dan tidak mencerminkan pandangan keseluruhan komuniti.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 6. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Kekurangan akses kepada bantuan dan kebajikan sosial	Kekurangan akses kepada bantuan dan kebajikan sosial di Maran berpunca daripada tiga jurang utama, iaitu proses saringan dan komunikasi yang tidak menyeluruh, syarat kelayakan yang disalahfaham atau diterjemah secara sempit di lapangan, dan kelewatan/ketidakcukupan dana program kebajikan komuniti. Di lapangan, mangsa banjir menyatakan saluran maklumat dan borang bantuan tidak diumumkan secara terbuka.	Sosial Ekonomi	Komuniti Ibu Tunggal Komuniti Mangsa Banjir Komuniti OKU Komuniti Penerima Rumah Bantuan	Parlimen Maran Mukim Bukit Segumpal Kg Bak-Bak dan sekitar Kg Pejing	SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.3 - Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang bersesuaian secara nasional untuk semua, dan menjelang 2030, mencapai liputan yang besar kepada golongan miskin dan rentan. SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan Sasaran 10.2 - Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Dalam kalangan ibu tunggal, permohonan sering ditolak atas alasan tidak jelas dan pada masa sama, ada persepsi pilih kasih dan politik kepartian yang menghakis kepercayaan. Tambahan, pusat PPDK yang menjadi tunjang sokongan OKU berdepan bayaran geran yang lewat serta peruntukan yang tidak memadai hingga operasi ditampung sendiri.				SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.5 – Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.
2.	Kekurangan kemudahan asas dan infrastruktur asas yang memadai	Di Parlimen Maran, banyak kawasan masih belum mempunyai kemudahan asas yang memadai seperti bekalan air bersih, sistem saliran, lampu jalan, jalan berturap, sistem kutipan sampah, dan	Sosial	Komuniti Ibu Tunggal Komuniti Mangsa Banjir Komuniti Cina Komuniti Belia	Seluruh Parlimen Maran	SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera Sasaran 3.8 – Mencapai perlindungan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan penting yang berkualiti dan akses

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		capaian internet yang stabil. Gangguan bekalan air berlarutan sejak beberapa tahun lalu, dengan tekanan air yang rendah dan bekalan terputus hampir setiap malam, menyebabkan penduduk bergantung kepada lori air atau menggunakan air bukit yang tidak selamat. Ketiadaan hospital di kawasan berhampiran juga menyukarkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, memaksa penduduk melakukan perjalanan lebih satu jam ke Jengka atau Temerloh. Dalam masa sama, pengangkutan awam yang sangat terhad dan				kepada ubat-ubatan dan vaksin perlu yang selamat, berkesan, berkualiti dan berpatutan untuk semua. SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.1 - Menjelang 2030, mencapai akses universal dan saksama terhadap air minuman yang selamat dan mampu milik untuk semua. Sasaran 6.4 - Menjelang 2030, meningkatkan kecekapan penggunaan air dengan ketara merentasi semua sektor dan memastikan pengeluaran dan bekalan air tawar yang mampan untuk menangani kekurangan air dan mengurangkan dengan ketara bilangan orang yang mengalami kekurangan air.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		ketiadaan perkhidmatan e-hailing menyempitkan mobiliti penduduk, memaksa mereka memiliki kenderaan sendiri untuk bekerja atau mengakses perkhidmatan asas.				SDG 11: Bandar dan Masyarakat Mampan Sasaran 11.2 - Menjelang 2030, menyediakan akses kepada system pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus pada keperluan golongan berisiko, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas.
3.	Cabaran kewangan dan kesukaran ekonomi	Cabaran kewangan di Maran berpunca daripada peluang kerja tempatan yang terhad yang banyak tertumpu kepada sektor pertanian serta tidak stabil dan gaji rendah.	Ekonomi Sosial	Komuniti Ibu Tunggal Komuniti Belia Komuniti Orang Asli	Seluruh Parlimen Maran	SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4 - Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Malahan struktur ekonomi didominasi sawit dengan sedikit industri telah menyebabkan ramai belia berhijrah untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang baik. Tambahan kebanyakan pendapatan isi rumah di Maran tidak stabil apabila punca pendapatan mereka bergantung pada cuaca menyebabkan ramai terpaksa buat dua kerja dan aliran tunai yang semakin rendah. Ditambah pula desakan kos operasi pertanian dan perikanan yang semakin hari semakin menekan.		Komuniti Nelayan Darat		tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro. SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.5 - Menjelang 2030, capai pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang layak untuk semua wanita dan lelaki, termasuk untuk golongan muda dan orang kelainan upaya, dan gaji sama rata bagi kerja yang sama nilai.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan Sasaran 10.2 – Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain. SDG 11: Bandar dan Masyarakat Mampan Sasaran 11.1 – Menjelang 2030, pastikan akses kepada semua terhadap perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik serta menaik taraf kawasan setinggan.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
4.	Bencana Banjir	Banjir di Maran berpunca daripada gabungan faktor iklim, geografi dan kelemahan infrastruktur: hujan monsun November–Februari mencetuskan banjir bermusim, manakala di kawasan bandar banjir kilat berlaku apabila kapasiti sungai sebelum pelebaran/pedalaman tidak mencukupi untuk menampung limpahan air. Pada akhirnya kitaran banjir yang “berulang” di beberapa lokaliti walaupun berkurang sejak projek mitigasi tetap berlaku setiap beberapa tahun, memperlihatkan kebergantungan risiko kepada pola hujan serta kedudukan penempatan	Alam sekitar	Komuniti Ibu Tunggal Komuniti Mangsa Banjir Komuniti Cina Komuniti Belia	Kg Bak-Bak dan sekitar Kg Orang Asli Paya Besar Kg Srijaya	SDG 2: Sifar Kebuluran Sasaran 2.4 - Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran, yang membantu mengekalkan ekosistem, yang mengukuhkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan iklim, cuaca ekstrem, kemarau, banjir dan bencana lain, dan yang secara beransur-ansur meningkatkan kualiti tanah dan tanah. SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim Sasaran 13.1 - Memperkukuh daya tahan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		berhampiran sistem sungai utama. Dalam masa sama, sistem perparitan di Parlimen Maran yang tidak berfungsi baik menyebabkan air cepat bertakung dan naik hanya selepas 2-3 jam hujan, mempercepat kejadian banjir kilat di lokaliti tertentu.				SDG 15: Kehidupan di Darat Sasaran 15.5 - Mengambil tindakan segera dan penting untuk mengurangkan kemerosotan habitat semula jadi, menghentikan kehilangan biodiversiti dan menjelang 2020, melindungi dan mencegah kepupusan spesies terancam.
5.	Status pemilikan tanah yang tidak jelas dan tidak diiktiraf	Isu pemilikan tanah di Maran telah memberi kesan langsung terhadap kehidupan dan masa depan penduduk termasuk Komuniti Orang Asli, Cina, dan India, masih menetap di atas tanah TOL, tanah adat yang belum diwartakan, atau	Sosial Ekonomi Tadbir urus	Komuniti Orang Asli Komuniti cina Komuniti India	Kg Orang Asli Paya Besar Kg Srijaya Kg Sungai Jerik	SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4 - Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		tanah pertanian tanpa geran hak milik yang sah. Keadaan ini menyebabkan mereka berdepan risiko diusir pada bila-bila masa dan gagal membina rumah kekal. Selain itu, status tanah yang tidak sah menyukarkan mereka untuk memohon pinjaman, dan mendapatkan perkhidmatan asas seperti bekalan air dan elektrik.				baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro. SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan Sasaran 10.2 – Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal Tarikh: 12 April 2025 Bilangan peserta: 19 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pejabat Daerah Maran* 2. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 3. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) 4. Penghulu Mukim 5. Ahli Parlimen Maran <i>*Merujuk kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) (KPPD)</i>
1.	Kekurangan akses bantuan dan kerentanan sosioekonomi ibu tunggal	Ibu tunggal berdepan pelbagai kesukaran dalam mendapatkan bantuan kerajaan walaupun berada dalam keadaan terdesak. Proses permohonan yang rumit dan kelulusan yang tidak telus menyebabkan ramai permohonan ditolak dengan alasan tidak jelas seperti “tidak layak” kerana dianggap masih muda, boleh bekerja, memiliki kereta atau rumah, ataupun status sebagai peneroka FELDA.	Pejabat Daerah Maran: Terdapat salah faham masyarakat mengenai syarat kelayakan bantuan, terutamanya dakwaan bahawa pemilikan kereta atau aset menyebabkan seseorang tidak layak menerima bantuan. Agensi menegaskan bahawa pendapatan (<i>income</i>) adalah syarat utama. Pemilikan kereta tidak secara automatik menggugurkan kelayakan, kerana kereta kini dianggap sebagai keperluan asas.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Malah, ada yang pernah disenaraikan sebagai penerima bantuan oleh SUK, Pejabat Daerah dan NGO, namun apabila tiba masa pengagihan, nama mereka digugurkan tanpa penjelasan. Keadaan ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan ibu tunggal kerana ada bantuan tunai yang diagihkan secara meluas tetapi mereka masih tidak menerimanya. Kelemahan dalam sistem saringan dan komunikasi agensi seperti JKM dan MAIK turut memburukkan keadaan, menjadikan ramai ibu tunggal terpinggir daripada bantuan walaupun benar-benar memerlukannya.	Namun, jika pendapatan individu melebihi Paras Garis Kemiskinan (PGK), maka dia tidak layak mendapat bantuan, walaupun memiliki keperluan asas seperti kereta. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Terdapat kriteria utama pemberian bantuan adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan pendapatan per kapita isi rumah. Setiap permohonan yang diterima akan disemak dan disiasat oleh pegawai JKM yang turun ke lapangan untuk menilai kes secara menyeluruh. Jenis bantuan yang diberikan akan disesuaikan mengikut kategori kelayakan seperti bantuan kanak-kanak, bantuan am, atau bantuan warga emas. Keputusan akhir bergantung kepada kesesuaian dan keperluan pemohon.
		Ibu tunggal menegaskan agihan bantuan berbentuk pilih kasih dan cenderung berpihak kepada “kroni” atau mengikut kecenderungan parti. Ibu tunggal muda beranak kecil dan ibu tunggal tua tanpa pendapatan tetap tidak menerima bantuan, sementara penerima “yang tak sepatutnya” terus kekal dalam senarai tanpa diganti. Kesannya, keciciran dalam permohonan terus berlaku.	Pejabat Daerah Maran Menafikan dakwaan pilih kasih dan menjelaskan bahawa penilaian kelayakan bantuan dibuat melalui Jawatankuasa Focus Group, yang tidak melibatkan pengaruh politik. Proses tersebut berdasarkan siasatan pegawai yang akan dibentang dan dilulus dalam mesyuarat sebelum keputusan dibuat.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) JKM mengesahkan bahawa memang terdapat ramai yang memerlukan bantuan, namun data tidak dibawa bersama pada hari tersebut. Kes-kes seperti ini akan dibincangkan dan dinilai dalam mesyuarat Focus Group, di mana saringan (filtering) akan dilakukan untuk menentukan kelayakan.
		Penyampaian maklumat bantuan tidak telus dan tidak menyeluruh. Perkara ini dapat dilihat apabila ada penerima berdiam diri serta “menyembunyikan” maklumat permohonan dan ramai tidak tahu saluran yang betul untuk memohon kerana tiada pihak membimbing.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terdapat salah faham umum mengenai bantuan untuk ibu tunggal. Menurut JKM, tiada bantuan khusus untuk ibu tunggal yang disediakan di bawah skop JKM. Apa yang wujud sebenarnya ialah bantuan kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, yang tertakluk kepada Akta Kanak-Kanak. JKM menjelaskan bahawa kelulusan bantuan kepada ibu tunggal biasanya berlaku kerana mereka mempunyai anak di bawah umur, dan bukan kerana status ibu tunggal itu sendiri. Persepsi bahawa bantuan diberikan atas dasar pilih kasih sering timbul apabila masyarakat tidak memahami bahawa anak-anak di bawah 18 tahun adalah penerima manfaat sebenar, bukan ibunya secara langsung.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Contohnya, ibu tunggal yang sudah berusia 50 tahun ke atas dan mempunyai anak-anak yang sudah dewasa dan berpendapatan (umur lebih 21 tahun), tidak lagi layak menerima bantuan JKM, kerana tidak memenuhi kriteria bantuan kanak-kanak. JKM turut menyentuh tentang kekeliruan dan stigma istilah "ibu tunggal", dengan menekankan bahawa tidak semua ibu tunggal tergolong dalam golongan miskin – sebagai contoh, individu seperti Sosilawati yang juga seorang ibu tunggal namun berkemampuan. Maka, menurut JKM, istilah yang lebih tepat dalam konteks bantuan kebajikan ialah "bantuan kepada kanak-kanak", dan bukan kepada status ibu atau penjaga.
		Kos sara hidup meningkat pantas sementara bantuan kecil tidak memadai. Malahan, ramai ibu tunggal tiada pendapatan tetap dan terpaksa bekerja panjang serta mengambil pelbagai kerja sambilan. Namun hasilnya tetap tidak cukup. Perbelanjaan asas keluarga dan persekolahan anak (buku, yuran, kelengkapan) terpaksa ditanggung sendiri dan dirasakan terlalu tinggi berbanding gaji	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		semasa. Pendapatan pula tidak menentu, iaitu ada bulan hanya sekitar RM100 atau langsung tiada.	
		Ibu tunggal masih berdepan stigma sosial yang kuat. Mereka sering dilabel negatif hanya kerana status, seperti mengabaikan anak apabila keluar bekerja siang malam mencari rezeki, malah terus dipandang serong walaupun tidak melakukan apa-apa kesalahan. Ibu tunggal berharap masyarakat lebih empati dan tidak menyisihkan, kerana menjadi ibu tunggal bukan pilihan tetapi takdir hidup yang perlu diterima.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Ibu tunggal menanggung tekanan emosi yang berat, sama ada selepas penceraian atau kehilangan pasangan mereka.	Pejabat Kesihatan Daerah (PKD): Memaklumkan bahawa tiada program khusus yang ditujukan hanya kepada ibu tunggal. Namun begitu, semua program yang berkaitan dengan kesihatan mental, termasuk tekanan emosi, sudah dikategorikan dalam perkhidmatan kesihatan awam yang sedia ada.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			PKD menegaskan bahawa fokus perkhidmatan mereka kini adalah lebih kepada pendekatan berasaskan komuniti, merangkumi seluruh masyarakat, dan bukan hanya satu kumpulan sasaran seperti ibu tunggal. Oleh itu, ibu tunggal tetap termasuk dalam kumpulan yang boleh menerima manfaat daripada program kesihatan mental sedia ada, walaupun tidak secara langsung (<i>explicit</i>) dinamakan sebagai kumpulan sasaran.
2.	Kesukaran akses bekalan air bersih	Ibu tunggal berhadapan dengan tekanan air rendah hingga tiada air di rumah. Penduduk di Bukit Lada mengalami masalah ketiadaan bekalan air secara berterusan walaupun membayar bil setiap bulan.	Pejabat Daerah Maran Terdapat beberapa projek penambahbaikan infrastruktur air yang sedang dijalankan, iaitu dua projek utama yang sedang berlangsung adalah projek penambahbaikan air di Seri Jaya dan Kampung Awah. Agensi menjelaskan bahawa projek-projek ini mengalami sedikit kelewatan, terutamanya di Loji Air Awah, tetapi dijangka siap sepenuhnya dalam tahun ini. Pelaksanaan projek ini dijangka dapat meningkatkan mutu dan keberkesanan bekalan air di Daerah Maran secara keseluruhan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Penghulu Mukim Bagi kawasan Pekan Awah, 90 peratus masalah bekalan air telah berjaya diselesaikan.
3.	Akses kesihatan terhad	Kemudahan kesihatan di kawasan ini berfokus kepada Klinik Kesihatan (KK) sahaja, yang hanya menyediakan rawatan asas. Manakala bagi kes kecemasan atau rawatan lanjut, pesakit akan terus dirujuk ke Hospital Temerloh yang terletak lebih jauh. Walaupun terdapat kemudahan di Jengka yang lebih dekat, kapasiti perkhidmatan masih tidak mencukupi.	Ahli Parlimen Maran Sejarah cadangan pembinaan hospital Maran, yang telah melalui pelbagai fasa sejak tahun 2016 dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11): • 2016: Projek hospital telah diluluskan dengan peruntukan awal sebanyak RM170 juta, dan tapak telah dikenalpasti serta dilancarkan semasa pentadbiran terdahulu. • 2020: Apabila berlaku perubahan politik, projek hospital dikeluarkan daripada senarai perancangan semasa pentadbiran Pakatan Harapan. • 2021: Semasa Tan Sri Muhyiddin menjadi Perdana Menteri, projek ini dimasukkan semula. Kementerian Kewangan kemudiannya meluluskan peruntukan RM350 juta. • 2022/2023: Selepas Pilihan Raya Umum dan pertukaran kerajaan kepada pimpinan baru, projek tidak diteruskan sekali lagi, menyebabkan kekecewaan penduduk Maran.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Ahli Parlimen menegaskan Maran adalah satu-satunya daerah/parlimen yang belum mempunyai hospital sendiri, dan rakyat kini terpaksa ke Jengka atau Temerloh untuk mendapatkan rawatan. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) PKD memaklumkan bahawa pembinaan hospital Maran masih dalam proses permohonan tanah kerajaan baharu, selepas semakan dan lawatan semula oleh pihak JKR (Jabatan Kerja Raya) yang mencadangkan agar tapak baharu dicari, berbanding lokasi terdahulu. Ahli Parlimen Maran turut menyatakan bahawa lima tapak telah dikenal pasti sebelum ini, dan semua telah dilawati. Tapak asal di Luik telah ditolak dan diganti dengan tapak yang telah pun diserahkan daripada tanah KDN kepada Kementerian Kesihatan. Kawasan tersebut adalah seluas 50 ekar daripada 150 ekar asal, dan telah pun diperuntukkan.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Orang Asli Kg Paya Besar Tarikh: 12 April 2025 Bilangan peserta: 12 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) 2. Pejabat Daerah Maran* 3. PERHILITAN 4. Pejabat Pendidikan Daerah <i>*Merujuk kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) (KPPD)</i>
1.	Status tanah/ persempadanan dan pengiktirafan Orang Asli masih rendah	Isu tanah merupakan isu utama bagi Komuniti Orang Asli. Ketiadaan persempadanan yang jelas antara kawasan Orang Asli dan komuniti lain; walaupun Kerajaan Negeri meluluskan 262 kampung, hanya dua di Rompin dan satu di Maran (Batu 55) diwartakan, menyebabkan banyak kawasan belum diwartakan dan belum disukat dengan memadai, lalu menimbulkan rasa terancam dalam kalangan Orang Asli. Justeru penduduk mendesak kerja ukur dan persempadanan dilaksanakan segera supaya hak dan sempadan kampung terbela.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Memaklumkan bahawa pada Januari 2025, pihaknya telah mengadakan mesyuarat bersama Tok Batin dan Pengerusi JPKKOA untuk membincangkan usaha pewartaan tanah Orang Asli. Permohonan peruntukan untuk kerja ukur tanah telah dikemukakan melibatkan beberapa kampung: • 2025–2026: Kampung Merbau, Kampung Embas, Kampung Sungai Jempol • 2026–2027: Kampung Paya Besar, Kampung Buk-Buk, Kampung Bangat • 2027–2028: Kampung Batu 5, Kampung Batu 55 Namun, sehingga kini belum ada maklum balas kelulusan bagi permohonan tersebut.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pejabat Daerah Maran Mengesahkan bahawa proses tersebut merupakan langkah awal ke arah pewartaan kawasan, yang perlu dimulakan dengan pengukuran rasmi.
		Ketiadaan tanda serta status yang jelas membuka ruang syarikat luar membeli tanah “kosong” melalui pemimpin berpengaruh, menyebabkan pertindihan tuntutan dengan penduduk Melayu, konflik di lapangan, dan kebimbangan berterusan selagi tidak diwartakan. Perkara ini sekali gus mengancam keselamatan tempat tinggal dan ekonomi Orang Asli. Komuniti Orang Asli menuntut pengiktirafan rasmi kawasan mereka iaitu disukat, ditetapkan sempadan dan diwartakan agar kampung muncul jelas pada peta (contohnya tertera “Kampung Orang Asli Paya Besar”). Tambahan, walaupun JAKOA kerap menyuarakan isu dalam mesyuarat, namun hal tanah berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri, menyebabkan JAKOA tidak berdaya membuat keputusan.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Peranan JAKOA lebih tertumpu kepada kebajikan, manakala desakan berhubung sempadan dan pewartaan tanah sering tidak didengari atau tidak mendapat tindakan.	
2.	Kesukaran mengekalkan identiti komuniti Orang Asli	Komuniti Orang Asli kini berdepan sekatan ketat untuk masuk hutan: mereka wajib memohon permit (termasuk daripada Jabatan Perhutanan dan PERHILITAN). Komuniti menerima notis sejak Disember bagi kawasan seperti hutan Pejing di sempadan kampung, malah ada yang mendapat notis amaran ketika mengambil minyak keruing. Syarat permit dan penguatkuasaan ini menghadkan akses kepada makanan tradisi serta hasil rimba, menjejaskan pencarian harian dan memaksa ramai “terhimpit” tanpa sumber rezeki yang selama ini bergantung kepada hutan.	PERHILITAN Isu pemburuan oleh Orang Asli bukan isu permit, tetapi lebih kepada keperluan memperoleh lesen memburu, yang boleh dipohon secara sah. Setakat ini, tiada rekod diskriminasi terhadap Orang Asli dalam mendapatkan lesen memburu di tempat lain seperti Pekan atau daerah lain. Perundangan yang terlibat adalah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716): • Orang Asli tetap tertakluk kepada akta ini walaupun di tanah adat. • Hutan Simpan Kekal (HSK) adalah kawasan larangan memburu sepenuhnya, dan di Pahang terdapat 10 HSK yang terlibat dalam larangan ini. PERHILITAN (Jawapan Bertulis) Kawasan Larangan Memburu bagi maksud di atas di Daerah Maran adalah seperti berikut :

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			1. HSK Betung 2. HSK Bukit Gebuk 3. HSK Bungor 4. HSK Gayung 5. HSK Jengka 6. HSK Paya Pasir 7. HSK Papai 8. HSK Papai Tambahan 9. HSK Temelong 10. HSK Ulu Luit Taklimat berkaitan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan 2022) kepada Batin dan wakil OA bagi Daerah Maran, Temerloh dan Jerantut pada 23 Ogos 2022
		Penduduk Orang Asli memaklumkan pihak berkuasa memasang kamera dalam hutan hingga mereka takut masuk walaupun sekadar mencari lauk untuk kegunaan sendiri, sementara pondok-pondok tempat berteduh turut dirobuhkan.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Penduduk Orang Asli menjelaskan pihak berkuasa kini mengehadkan makanan buruan kepada senarai sekitar 10 spesies sahaja, berbeza dengan dahulu yang lebih bebas.	PERHILITAN Turut membetulkan maklumat dalam dokumen justifikasi terdahulu yang menyatakan bahawa hanya 10 spesies haiwan tertentu dibenarkan untuk tujuan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kesannya, haiwan seperti tupai dan (sebahagian) landak tidak lagi dibenarkan, sementara sebahagian spesies dilaporkan masih boleh dimakan seperti babi hutan, burung punai, kancil dan landak raya. Kekangan ini, menurut mereka, menjejaskan kebiasaan pemakanan tradisi dan pilihan sumber protein.	makanan, namun senarai itu mengandungi kesilapan. Spesies seperti tenggiling, kura-kura, biawak air, musang dan kijang tidak termasuk dalam 10 spesies yang dibenarkan untuk tujuan makanan. Tenggiling, sebagai contoh, termasuk dalam Jadual Kedua Akta 716 dan memerlukan permit khas dan kelulusan menteri, jadi tidak boleh diburu secara bebas. PERHILITAN (Jawapan Bertulis) Lima (5) daripada sepuluh (10) spesies yang dinyatakan dalam penerangan/justifikasi tidak termasuk dalam sepuluh (10) Senarai Hidupan Liar bagi makanan Orang Asli pada Jadual Keenam di atas, iaitu Tenggiling, Kura-kura, Biawak Air, Musang dan Kijang.
3.	Kesukaran mendapatkan air bersih	Gangguan bekalan air di Kampung Paya Besar berlarutan sejak selepas Raya 2023. Tekanan rendah menyebabkan kawasan atas (rumah di atas bukit) kerap tiada air. Tambahan, dalam tempoh hingga 10 bulan, ketidakstabilan gangguan air ini telah menjejaskan hampir 18-20 rumah.	Pejabat Daerah Maran Dua rumah PPRT di Paya Besar telah dibina di luar kawasan Orang Asli, menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan bekalan utiliti. Jika rumah dibina dalam kawasan tanah Orang Asli yang telah diwartakan, tiada masalah untuk bekalan air dan elektrik.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Meskipun penduduk telah membawa pegawai PAIP Maran meninjau sendiri keadaan, masalah masih belum diselesaikan. Penggunaan air sungai yang tidak selamat. Penduduk Orang Asli turut berdepan kesukaran memasang meter air dan elektrik kerana syarat baharu mewajibkan geran tanah. Jika dahulu JAKOA boleh menandatangani sokongan dan permohonan mudah diluluskan, kini permohonan ditolak kerana ketiadaan geran. Pada masa ini, sekitar 40 keluarga di perumahan TSK memiliki geran, manakala selebihnya tidak. Akibatnya, proses memasukkan bekalan asas menjadi “cukup-cukup rumit”, bukan sahaja di Paya Besar malah melibatkan lapan kampung Orang Asli di seluruh daerah Maran. Halangan akses utiliti (air dan elektrik) ini berlaku sejak empat tahun kebelakangan ini.	Namun, masalah timbul apabila rumah (termasuk rumah PPRT) dibina di luar kawasan Orang Asli, terutamanya di atas tanah kerajaan, maka kelulusan Pegawai Daerah diperlukan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Keterbatasan akses dan kelemahan infrastruktur asas (jalan, saliran, pencahayaan dan digital)	Penduduk menyatakan keadaan jalan sedia ada terlalu sempit hingga menyukarkan kenderaan, khususnya ketika menghantar anak ke sekolah. Terdapat keperluan kerja pelebaran dilaksanakan segera agar akses keluar masuk lebih selamat dan lancar. Permohonan jalan pekebun kecil Orang Asli tidak mendapat perhatian kerajaan. Mereka memohon tetapi tidak menerima maklum balas. Di Paya Besar, banjir kerap berlaku terutamanya ketika musim tengkujuh dan ada juga di luar musim. Pada tahun 2025 sahaja dilaporkan tiga kali banjir kerana limpahan air cepat menenggelami laluan hingga dalam satu-dua jam sudah tidak boleh dilalui. Perkara ini telah menjejaskan perhubungan terutama penghantaran murid ke SK Kertam. Penduduk mencadangkan kerajaan meninggikan jalan bagi memastikan akses tidak terputus. Setakat ini kebanyakan rumah tidak dimasuki air, namun banjir besar boleh menjejaskan lebih banyak kediaman manakala	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		banjir kecil biasanya melibatkan sekitar tiga rumah. Penduduk menyatakan keperluan menambah unit PPRT dan menaik taraf sistem saliran kawasan perumahan. Longkang sedia ada terlalu sempit dan tidak menyeluruh terutama di kawasan atas bukit. Justeru mereka meminta pembinaan longkang jalan yang sesuai di sepanjang laluan utama agar aliran air terkawal. Terdapat juga keperluan penambahan lampu jalan segera. Lampu jalan sedia ada tidak mencukupi, hanya ada di sebahagian laluan dan bahagian atas banyak tiada. Penduduk turut melaporkan kes rompakan berlaku di kampung sekitar. Liputan internet dan talian telefon di kawasan ini tidak stabil yang menyukarkan panggilan biasa dan penggunaan data yang isyarat kerap "hilang timbul". Ketidakstabilan rangkaian ini juga jauh lebih buruk berbanding dahulu.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Keciciran pendidikan dan cabaran sosial remaja Orang Asli	Keciciran persekolahan yang berlaku pada fasa peralihan sekolah rendah kepada menengah rendah. Keciciran dan ponteng menengah lebih ketara dalam kalangan pelajar lelaki. Keengganan anak-anak Orang Asli untuk bersekolah berpunca terutamanya daripada faktor diri/motivasi murid, bukan disebabkan kekangan keluarga atau kewangan.	JAKOA Pengangkutan ke sekolah disediakan oleh JAKOA bagi pelajar dari kampung ke sekolah rendah dan menengah seperti SK Kertau dan SK Chenor. Pada tahun SPM 2024, seorang pelajar dari Kampung Paya Besar telah memperoleh 5A, menunjukkan peningkatan tahap pendidikan. Masalah yang masih wujud biasanya berkaitan keengganan pelajar untuk hadir ke sekolah, bukan isu akses atau kemudahan. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Terdapat cabaran logistik pelajar Orang Asli di Kampung Laman contohnya, menghadapi: • Isu jarak jauh ke sekolah. • Pengangkutan hanya layak jika ada 15 pelajar minimum. • Ada kes di mana pelajar tunggu hingga 3–4 petang untuk dijemput pulang, menyebabkan kesukaran dan kesian kepada murid. • PPD mohon tindakan khas untuk masyarakat Orang Asli, termasuk pertimbangan kuota pengangkutan khas.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) PPD Maran menegaskan bahawa tahap keciciran di daerah ini tidak begitu kritikal. Mengikut data terkini, terdapat sekitar 35 orang pelajar yang dikenal pasti terlibat dalam kes keciciran. Pihak sekolah juga sentiasa mengambil langkah intervensi sebelum membuat sebarang keputusan terhadap pelajar, khususnya pelajar Tingkatan 5 yang diingatkan agar tidak diberhentikan persekolahan. Tanggungjawab untuk intervensi adalah di bawah pihak sekolah dengan penglibatan pentadbiran dan kaunselor.
		Perkahwinan awal dalam komuniti Orang Asli semakin muncul, lazimnya pada umur 15-16 tahun. Punca perkahwinan awal ini dikaitkan dengan tidak mahu belajar, kemudian lepak dan faktor pergaulan.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Perkahwinan awal dipacu oleh gabungan tidak bersekolah, aktiviti lepak/pergaulan bebas, kawalan keluarga yang lemah (terutama alat peranti), dan norma "kena kahwin" apabila hubungan bebas berlaku.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Terdapat kebimbangan terhadap alkohol dan penggunaan telefon pintar dalam kalangan golongan muda tanpa kawalan.	
6.	Keterpinggiran pembangunan dan kerentanan ekonomi Komuniti Orang Asli Kg Paya Besar	Pembangunan di kawasan Kg Paya Besar agak ketinggalan berbanding kampung lain. Pekerjaan komuniti Orang Asli pula tertumpu kepada sektor pertanian, iaitu menoreh getah dan kerja ladang sawit. Namun, musim hujan membantutkan aktiviti ekonomi dan kesannya sumber pendapatan yang bergantung sepenuhnya pada kebun terputus. Tambahan, komuniti Orang Asli berhadapan dengan kekurangan tanah yang semakin terhad. Tanpa tanah yang mencukupi, mereka tidak dapat membuka kebun dan seterusnya kehilangan sumber ekonomi asas. Terdapat juga keperluan bantuan/input ekonomi untuk pekebun kecil dalam kalangan Orang Asli.	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Mangsa Banjir Kg Pejing Tarikh: 12 April 2025 Bilangan peserta: 11 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2. Pejabat Daerah Maran* 3. Jabatan Pertanian 4. Majlis Daerah Maran 5. Jabatan Veterinar 6. Jabatan Perikanan 7. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) <i>*Merujuk kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) (KPPD)</i>
1.	Risiko bencana banjir yang berulang	Banjir sudah lama berlaku di di Kg Pejing, tetapi dalam 2-3 tahun kebelakangan ini keadaannya berkurang dan jarang memaksa pemindahan. Meskipun begitu, kira-kira setiap tiga tahun banjir tetap berulang dan komuniti mengakui sudah “biasa” atau “lalai” dengannya. Dahulu keadaan jauh lebih teruk hingga kawasan penempatan tenggelam sepenuhnya.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Projek mengepam air sedang dijalankan di Chenor. Di Maran pula, terdapat projek di beberapa sungai utama seperti Sungai Yeh, Sungai Luit, Sungai Kertam dan Sungai Maran untuk RTB Maran Fasa 1. Kesan projek yang siap pada tahun lepas menunjukkan pengurangan risiko banjir, khususnya di bandar Maran. Terdapat dua jenis banjir utama: • Banjir musim tengkujuh (musim monsun): Biasanya berlaku antara bulan November hingga Februari.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Banjir kilat: Berlaku disebabkan kapasiti sungai sempit – tetapi kini Sungai Maran telah dilebarkan dan didalamkan, mengurangkan risiko. Tambahan, projek baru ini merangkumi 5 batang sungai, termasuk kawasan sekitar Sungai Pahang, namun banjir akibat limpahan Sungai Pahang masih sukar dielak disebabkan geografi kawasan rendah. Pejabat Daerah Menjelaskan bahawa banjir daripada limpahan Sungai Pahang adalah fenomena biasa, dan untuk menyelesaikannya memerlukan peruntukan berbilion ringgit jika mahu membina RTB skala besar.
2.	Pengurusan dan komunikasi bantuan banjir tidak menyeluruh	Penduduk menyatakan saluran bantuan pascabanjir tidak menyeluruh. Walaupun kira-kira 20 rumah terjejas dan layak menerima bantuan kerosakan, hanya 4-5 rumah yang benar-benar mendapatnya kerana maklumat serta borang permohonan tidak sampai kepada semua mangsa. Sekali gus, menimbulkan persoalan bagaimana sebahagian penerima yang sepatutnya layak boleh tercicir.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Salah satu punca keciciran bantuan pascabanjir adalah penyampaian maklumat seperti borang yang tidak diumumkan secara terbuka. Komuniti turut mencadangkan hebahan dibuat terus ke kumpulan WhatsApp selain memantapkan aliran sedia ada (penghulu maklumkan kepada penduduk dan seterusnya kepada “anak buah”) supaya semua mangsa menerima makluman tepat pada masanya.	
3.	Infrastruktur asas tidak memadai	Kekurangan lampu jalan dan risiko kemalangan yang memerlukan pemasangan lampu jalan berterusan dari Chenor ke Kuala Wau. Kekurangan pencahayaan turut mencetuskan kemalangan terutamanya pada waktu malam. Sistem perparitan di kawasan Bandar Maran tidak berfungsi dengan baik, menyebabkan air cepat bertakung dan naik hanya selepas hujan 2-3 jam. Keadaan ini diburukkan lagi oleh sungai yang kecil.	<i>Tiada maklum balas</i>
4.	Kesukaran mengakses air bersih	Penduduk masih berdepan dengan bekalan air yang lemah dengan tekanan paip tidak sampai ke kampung. Meskipun cadangan menambah pam dan tangki sudah dibincangkan, pihak atasan belum mengambil tindakan.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 2 - Kesukaran akses bekalan air bersih</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ketidakseimbangan tekanan air terutamanya di kawasan atas bukit telah memaksa penduduk menggunakan air bukit. Ketika hujan, bekalan graviti mencukupi tetapi keruh dan kerap tersumbat manakala musim kemarau menimbulkan krisis air. Kebimbangan terhadap penggunaan air bukit yang kotor. Penduduk menilai kualiti air bukit semakin merosot akibat aktiviti penerokaan dan turut mengaitkan beberapa kes kesihatan dengan syak wasangka “air kencing tikus” dan kuman tanah.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Keterhubungan dan kualiti internet kampung tidak memadai	Penduduk menyatakan ketidakstabilan liputan internet, manakala talian telefon umumnya berfungsi tetapi kerap terganggu mengikut lokasi. Tahap kualiti internet semakin merosot sejak dua pencawang baharu dipasang, iaitu di Sungai 2 dan Kampung Pejing. Lantaran penduduk beranggapan, pencawang yang disyorkan kerajaan itu “tidak membawa manfaat” malah menyusahkan seluruh kampung.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kapasiti rangkaian semakin teruk terutamanya pada waktu puncak dan bencana. Masalah capaian internet yang lemah turut memberi kesan kepada proses pembelajaran anak-anak di kampung.	
6.	Ekologi sungai terancam	Penduduk yang bekerja sebagai nelayan darat berhadapan dengan kemunculan ikan pemangsa “baung Mekong” sejak 5-6 tahun lalu yang telah dilepaskan dari kolam ternakan ke sungai. Ikan ini cepat membiak, sukar ditangkap, dan memakan spesies tempatan bernilai tinggi. Kesannya, hasil nelayan merosot kerana ikan ini walaupun boleh dimakan, harganya rendah, lalu mereka mempersoalkan bagaimana benih spesies tersebut boleh dilepaskan tanpa siasatan rapi.	Jabatan Perikanan Isu ikan pemangsa memang berlaku di Maran. Jabatan Perikanan telah melaksanakan program pemuliharaan sumber perikanan melalui aktiviti pelepasan benih ikan. Sebagai contoh, spesies ikan baung ekor merah merupakan antara benih ikan yang dilepaskan. Terbaru, sebanyak 30,000 ekor benih ikan telah dilepaskan di Tasik Maran sempena Program Cintakan Tasik. Selain itu, Jabatan juga sentiasa menjalankan program pelepasan benih ikan lain seperti ikan kelah, temelian, lampam sungai dan kerai di sungai-sungai dan daerah-daerah di seluruh negeri. Ketua kampung seperti penghulu atau Tok Empat boleh membuat permohonan kepada jabatan untuk melaksanakan pelepasan benih ikan di sungai-sungai berdekatan dengan kampung masing-masing.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Penduduk mengesyaki pencemaran sungai berlaku apabila air dari kebun di hulu mengalir turun, dan ada dakwaan sebuah kilang kertas/tisu di Sungai Semantan (Temerloh) turut menyumbang kepada kepupusan ikan. Namun, mereka menegaskan maklumat itu sekadar cerita yang belum dapat dipastikan, lalu menggesa siasatan rasmi dijalankan sebelum apa-apa tuduhan dibuat.	<i>Tiada maklum balas</i>
7.	Ternakan berkeliaran dan risiko keselamatan jalan	Penduduk meminta pihak veterinar menguatkuasakan tindakan terhadap ternakan kerbau dan lembu yang berkeliaran di jalan yang bukan sahaja membahayakan pengguna jalan raya, malah mengotorkan laluan dengan najis. Masalah ternakan yang berkeliaran ini telah berlaku sejak turun-temurun, namun keadaannya kini lebih teruk berbanding dahulu. Kerbau dan lembu yang berkeliaran di laluan Chenor-Kuala Wau kerap mencetuskan kemalangan, terutamanya pada waktu malam.	Jabatan Veterinar Telah melaksanakan operasi penangkapan mengikut Enakmen Kawalan Kerbau-Lembu 2001, yang melarang ternakan berada di atas jalan raya, dalam lingkungan 20 meter dari bahu jalan, dan di tempat awam. Pada tahun ini, dua operasi telah dijalankan di kawasan Chenor iaitu pada 25 Februari dan 18 April. Pejabat Daerah Maran Keperluan penguatkuasaan yang terhad, dan mencadangkan agar Jabatan Veterinar melaksanakan operasi secara rentas daerah, seperti pendekatan penguatkuasaan oleh pihak kesihatan yang mengeluarkan saman kepada perokok dari daerah lain.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pihak Majlis baru-baru ini menangkap kerbau berkeliaran dan mengenakan saman. Komuniti turut menceritakan kemalangan yang menimpa anaknya yang dilanggar lembu dan menegaskan haiwan tidak bersalah, tanggungjawab sebenar terletak pada pemilik yang cuai.	Hal ini penting kerana pihak berkuasa tempatan (Majlis) hanya mempunyai bidang kuasa di kawasan yang terletak dalam pentadbiran mereka sahaja. Majlis Daerah Maran Isu ternakan berkeliaran telah ditangani secara berterusan sejak 20 tahun lalu melalui operasi bersama Jabatan Veterinar. Di kawasan kampung tradisional, operasi ini melibatkan kerjasama dengan penternak dan pihak jawatankuasa kampung. Pada tahun lalu, operasi serta sesi libat urus telah diadakan di Chenor bersama penghulu dan ketua kampung, dan hasilnya terdapat maklum balas positif serta pengurangan kes ternakan berkeliaran secara berperingkat menerusi pendekatan pendidikan.
8.	Peralihan tanaman getah kepada sawit kerana harga dan kekangan input	Akses benih sawit bersubsidi/geran terhad. Terdapat keperluan bantuan benih sawit seperti skim seumpama RISDA, kerana harga benih sawit semakin mahal dan mereka perlu akses aneka jenis yang berkualiti. Masalah paling mendesak bagi warga kampung adalah harga semasa getah sering jatuh ke RM1.50-RM2.00, sekali gus menekan sara hidup ketika minyak dan beras terus naik.	Jabatan Pertanian Isu benih getah dan kelapa sawit tidak di bawah bidang kuasa Jabatan Pertanian, tetapi FELDA dan FELCRA. Jabatan Pertanian tidak dapat memberi maklum balas berkenaan perkara tersebut. Sebaliknya, peranan Jabatan Pertanian lebih tertumpu kepada:

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Tambahan, pekebun kecil mula tertumpu kepada penanaman sawit kerana harga lebih baik.	• Program kursus Industri Asas Tani (IAT) untuk komuniti termasuk ibu tunggal, terutamanya dalam bidang pemprosesan makanan dan aktiviti keusahawanan asas. • Program Pertanian Komuniti melibatkan komuniti sekolah dan agensi-agensi, dengan fokus kepada kelangsungan sara hidup dan penghasilan makanan asas. Kaedah penyampaian maklumat bantuan daripada Jabatan Pertanian: • Setiap mukim mempunyai pegawai kawasan atau dikenali sebagai agen tanaman yang bertindak sebagai wakil jabatan. • Pegawai ini akan menyampaikan maklumat projek dan program pertanian secara langsung kepada komuniti tempatan. • Projek atau permohonan akan dibawa ke peringkat jabatan melalui borang untuk mendapatkan peruntukan rasmi.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Darat Tarikh: 12 April 2025 Bilangan peserta: 14 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Perikanan
1.	Risiko kualiti air dan ekosistem sungai merosot	Nelayan darat menjelaskan kekeruhan air kerap berlaku yang ada kalanya fenomena alam semata-mata, tetapi semakin dipacu aktiviti pembangunan seperti penerokaan hutan dan pembinaan empangan hingga menjejaskan rizab anak sungai ketika musim hujan/tengkujuh. Mutakhir ini air menjadi terlalu keruh sehingga loji rawatan terpaksa dihentikan, benih ikan yang terbawa masuk ke sangkar berisiko mati, dan kualiti air di hulu sungai kekal tidak menentu. Kehadiran ikan pemangsa seperti baung merah Mekong menyukarkan nelayan mendapatkan hasil tangkapan kerana spesies ini memburu dan mengurangkan populasi ikan lain di sungai.	Jabatan Perikanan Kualiti air di kawasan laut atau sungai adalah sukar dikawal kerana ia merupakan sistem terbuka yang terdedah kepada pelbagai sisa buangan dari daratan termasuk longkang dan aktiviti pembangunan. Pemantauan terhadap kualiti air hanya dapat dilakukan apabila terdapat aduan atau insiden seperti kematian ternakan ikan. Dalam kes sedemikian, sampel air dan ikan akan diambil untuk dianalisis oleh pihak Biosekuriti Perikanan Kuantan bagi mengenal pasti punca jangkitan atau kematian. <i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 3, isu nombor 6 - Risiko ekosistem sungai terjejas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Dalam masa yang sama, kehadiran memerang yang memakan ikan-ikan kecil turut menjejaskan hasil tangkapan, namun nelayan tidak dapat mengambil tindakan kerana membunuh haiwan tersebut merupakan kesalahan besar yang boleh dikenakan denda sehingga RM100,000.	
2.	Kemerosotan pendapatan nelayan darat dan kebergantungan kerja sampingan	Pendapatan nelayan darat kini merosot dengan ketara dan jauh lebih rendah berbanding dahulu akibat kerosakan ekosistem sungai yang berpunca daripada pencemaran alam sekitar serta kehadiran spesies ikan pemangsa. Aktiviti menangkap ikan turut terjejas oleh faktor cuaca dan keadaan air yang sukar dijangka, sekali gus menambahkan kesukaran mencari rezeki. Ramai nelayan darat tidak lagi mampu bergantung sepenuhnya pada sungai, lalu terpaksa melakukan dua kerja. Malahan, menangkap ikan hanya dijadikan sumber sampingan, bukan lagi kerjaya utama.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Peningkatan kos operasi nelayan darat/akuakultur yang semakin menekan.	Harga jaring melonjak hingga sekitar RM1,000 seunit, menyebabkan ramai tidak mampu membeli peralatan.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Faktor cuaca dan banjir turut memburukkan keadaan nelayan darat apabila jaring sering rosak teruk akibat sampah sarap yang dihanyutkan. Kos penyelenggaraan jaring turut meningkat kerana jaring perlu diganti berulang kali, kadang-kadang sehingga 4-5 kali.	
		Kos modal akuakultur sangkar meningkat, iaitu satu sangkar berharga sekitar RM7,000 (kini "lebih"), dengan jangka hayat hanya 2½-3 tahun. Tambahan, nelayan yang membina 21 unit menggunakan jalur net hijau menyatakan harga siap termasuk tong tetap sekitar RM7,000.	Jabatan Perikanan Isu utama yang dihadapi oleh pengusaha ternakan ikan dalam sangkar adalah kos makanan ikan yang semakin tinggi. Keadaan ini memberi tekanan besar khususnya kepada pengusaha kecil, yang sukar untuk bertahan kerana tempoh ternakan ikan memerlukan antara enam hingga lapan bulan sebelum boleh dijual. Ramai dalam kalangan pengusaha kecil tidak mampu menanggung kos operasi dalam tempoh yang panjang, menyebabkan mereka terpaksa menghentikan aktiviti penternakan. Sebaliknya, pengusaha yang memiliki lebih daripada 20 unit sangkar dilihat lebih mampu untuk bertahan dan meneruskan operasi. Malah, ada yang dapat mengembangkan perniagaan mereka dengan menambah bilangan sangkar walaupun kos kekal tinggi dan meningkat dari semasa ke semasa.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Akses subsidi atau bantuan tidak menyeluruh	Nelayan darat menyatakan mereka tidak menerima subsidi, sementara bantuan lain yang di bawah Jabatan Perikanan wujud tetapi disalurkan melalui ejen dan bersifat terpilih hingga ramai tercicir. Keperluan menilai semula elaun nelayan kerana jumlah sedia ada sekitar RM250 sebulan dianggap terlalu rendah dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup dalam keadaan ekonomi semasa.	Jabatan Perikanan Bagi program Elaun Sara Hidup Nelayan di bawah Kementerian, seramai 423 orang nelayan di negeri Pahang telah menerima bantuan ini. Setiap penerima layak menerima elaun sebanyak RM250 sebulan, menjadikan jumlah keseluruhan bayaran tahunan sebanyak RM1.3 juta. Para penerima mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan. Kelayakan adalah berdasarkan kepada status aktif nelayan tersebut. Sekiranya penerima masih aktif menjalankan aktiviti menangkap ikan, elaun akan diteruskan. Namun, sekiranya terdapat peserta baharu yang layak dan memenuhi kriteria, pihak jabatan akan membuat penggantian penerima dengan peserta baharu tersebut.
5.	Kemerosotan minat belia terhadap profesion nelayan darat	Minat generasi muda terhadap sungai merosot ketara berbanding 10-20 tahun lalu. Perkara ini mencetuskan kebimbangan profesion nelayan sungai akan pupus.	Jabatan Perikanan Melihat potensi positif dalam penglibatan belia dalam sektor penternakan ikan, khususnya melalui kaedah lebih moden dan lestari. Jabatan turut memperkenalkan beberapa pengenalan teknologi baru dalam penternakan ikan, antaranya ialah:

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			• Penternakan ikan di darat, termasuk sistem tanpa pertukaran air dan penyelenggaraan minimum. • Sistem ini lebih stabil, kerana tidak bergantung pada cuaca dan tidak terjejas oleh banjir seperti penternakan sangkar sungai. Jabatan Perikanan turut: • Menganjurkan kursus penternakan darat kepada mereka yang berminat dan mempunyai modal. • Memberi amaran awal kepada penternak sangkar untuk mengelakkan kerugian semasa musim banjir. • Menggalakkan peralihan kepada sistem ternakan darat yang lebih mapan dan selamat dari risiko bencana alam.
6.	Saluran pemasaran jualan yang terhad	Saluran jualan langsung terhad dan banyak bergantung inisiatif sendiri. Terdapat keperluan inisiatif pemasaran bersama dan produk hiliran.	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Belia Tarikh: 12 April 2025 Bilangan peserta: 12 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Belia dan Sukan 2. Pejabat Daerah Maran* 3. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) 4. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) 5. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) 6. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) 7. Ahli Parlimen Maran <i>*Merujuk kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) (KPPD)</i>
1.	Kekangan peluang kerja belia dan ketidakpadanan kemahiran	Kesukaran belia dalam mendapat pekerjaan di kawasan setempat (Parlimen Maran) kerana peluang pekerjaan yang terhad. Peluang kerja di Maran amat terbatas kerana ketiadaan industri. Malahan, sektor swasta hampir tiada dan kerjaya di FELCRA pula banyak diisi penduduk tempatan yang sudah berumur, menjadikan anak muda sukar bertapak. Akibatnya, ramai belia sekadar bekerja dalam sektor tidak formal sebagai petani. Kesannya, berlaku ketidakpadanan kelayakan akademik, kemahiran dan pekerjaan.	Pejabat Daerah Maran Mengakui wujudnya masalah peluang pekerjaan dan kekurangan kemudahan awam seperti hospital, namun menekankan bahawa kemajuan sedang berlaku, walaupun penyelesaian secara serta-merta tidak dapat dijamin. Penyelesaian memerlukan masa dan tidak boleh dilakukan secara ad-hoc sepenuhnya. Jabatan Belia dan Sukan Bersetuju bahawa peluang pekerjaan di Maran sangat terhad, terutama dalam sektor industri yang memerlukan tenaga mahir atau separa mahir.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Padanan gaji yang diterima adalah rendah dan tidak memadai. Anggaran gaji yang diterima masih di bawah gaji minima, iaitu RM1700 ke bawah. Belia setempat lazimnya berhijrah selepas tamat SPM atau pengajian untuk mencari peluang kerja dan pengalaman baharu. Belia kebanyakannya menuju ke bandar berdekatan seperti Kuantan.	Aktiviti ekonomi sedia ada lebih tertumpu kepada pertanian, dan tiada pembangunan industri teknikal yang signifikan.
		Belia setempat jarang menyertai kursus kerana latihan kemahiran biasanya dianjurkan jauh dari kawasan. Para belia turut berharap pihak berkaitan meningkatkan akses latihan khususnya kemahiran pertanian moden dan inovatif di samping membuka lebih banyak peluang pekerjaan tempatan. Mereka turut mencadangkan program keusahawanan yang praktikal seperti akuakultur dan penanaman lada bagi menjana pendapatan belia secara mampan.	Jabatan Belia dan Sukan Ketiadaan pusat latihan TVET dalam Maran menjadi kekangan besar kepada belia berpendidikan rendah. Pusat latihan terdekat ialah IKBN Pekan dan IKBN Temerloh. Pihak jabatan menyarankan agar pihak kerajaan perlu mempertimbangkan untuk mewujudkan pusat latihan kemahiran (TVET) di Maran bagi membolehkan: • Belia dari kampung atau FELDA yang tidak cemerlang akademik mendapat kemahiran. • Anak muda tidak perlu keluar dari Maran untuk membina kerjaya teknikal.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pejabat Daerah Maran Daerah Maran sedang menggerakkan belia melalui suntikan dana kepada NGO, terutamanya di kawasan FELDA. Kerajaan kini melaksanakan Program Sejati MADANI, iaitu dengan memberi peruntukan ekonomi kepada komuniti. Pihak jabatan juga turut memberi fokus kepada belia untuk menjalankan aktiviti ekonomi seperti ternakan ayam kampung di Jengka 6. Tambahan, belia terlibat secara aktif dan menerima sokongan daripada program ini. Pejabat Daerah Maran Menyokong penuh cadangan mewujudkan pusat latihan TVET di Maran, kerana ia telah menjadi satu keperluan asas untuk pembangunan belia.
2.	Keterbatasan akses pendidikan tinggi akibat halangan ekonomi dan prospek kerja yang tidak meyakinkan.	Ramai belia tidak menyambung pengajian selepas menamatkan sekolah menengah kerana kekangan kewangan dan kebimbangan sukar mendapat kerja walaupun berkelulusan.	Pejabat Pendidikan Daerah(PPD) Antara cadangan PPD berkenaan isu pendidikan adalah: • Pusat ICT kampung digunakan untuk menarik belia ke arah positif. • Diisi dengan aktiviti seperti pengisian borang pekerjaan, bimbingan kerjaya atau maklumat peluang sambung belajar.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Mereka mencadangkan agar lebih banyak peluang pekerjaan untuk lepasan SPM supaya boleh menjana pendapatan sementara bagi menampung kos jika mahu sambung belajar kelak..	PPD turut bersetuju dengan isu pasca-SPM: Ramai belia yang “terapung” tanpa hala tuju. Terdapat keperluan bimbingan untuk mengisi kekosongan dalam sektor tenaga buruh mahir, atau untuk menyambung pendidikan.
3.	Peminggiran sosial dan kesihatan mental terjejas dalam kalangan belia	Penyalahgunaan dadah berleluasa terutamanya di kawasan FELDA dengan “syabu” disebut sebagai dadah yang paling berleluasa. Antara faktor berlakunya penyalahgunaan dadah ini adalah pengaruh rakan sebaya dan akses yang mudah di kawasan FELDA terutamanya dalam kalangan belia yang baru tamat sekolah sekitar umur 21 tahun.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Penagihan syabu merupakan jenis dadah yang paling tinggi digunakan di daerah Maran, manakala penggunaan dadah jenis opioid pula lebih melibatkan penagih lama yang sukar berhenti sepenuhnya. Penggunaan syabu semakin meluas kerana ia mudah didapati, kesan khayalnya singkat, dan sering digunakan oleh pekerja buruh bagi tujuan meningkatkan tenaga sebelum bekerja. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Maran Syabu menjadi dadah paling mudah diperolehi kerana murah, kesan khayal yang singkat, dan mudah diseludup melalui 'jalan tikus' merentasi sempadan daerah seperti Jerantut dan Bera.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Namun, tiada kilang pemprosesan dadah dikesan di Maran setakat ini walaupun kawasan ini lebih kepada tempat transit dan pengedaran. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Maran Penggunaan vape yang mengandungi dadah kini menjadi ancaman baharu. Terdapat dua jenis vape: vape biasa dan vape yang disuntik dadah (seperti '<i>mushroom</i>'). Kebanyakan produk ini mudah dibeli di kedai kecil dan tiada kawalan ketat. Untuk vape biasa, penguatkuasaan melibatkan agensi lain seperti KPDN kerana ia berkait larangan jualan kepada bawah umur. Namun, situasi vape dadah di Maran masih terkawal dan belum menular secara besar. Pihak polis bekerjasama rapat dengan Pejabat Pendidikan dan pegawai perhubungan sekolah untuk pemantauan, dengan jaminan bahawa sebarang maklumat akan ditindak segera melalui operasi. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Maran Ketum masih mudah diperolehi, bahkan ditanam di sekitar kawasan rumah. Ia hanya menjadi kesalahan apabila pemilikan melebihi had tertentu atau diproses

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			secara menyalahi undang-undang. Ketum belum sepenuhnya diletakkan di bawah Akta Dadah Berbahaya (masih di bawah Akta Racun). Kesukaran membuat ujian saringan kerana tiada alat khusus (test strip) untuk mengesan penggunaan ketum, sebaliknya perlu dibawa ke klinik atau ujian darah. Versi ketum yang diproses secara haram semakin popular, dicampur dengan bahan terlarang seperti ubat nyamuk, kaca, syabu, dan ubat batuk menjadikannya lebih berbahaya, terutamanya dalam kalangan belia. Namun, ketum biasa masih digunakan secara tradisional oleh generasi lama di FELDA sebagai minuman kesihatan atau penambah tenaga untuk bekerja.
		Belia memaklumkan AADK kerap melakukan operasi di kawasan FELDA, khususnya Jengka 4 yang dikenal pasti sebagai “hotspot” penyalahgunaan dadah.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Terdapat beberapa kawasan Mukim Chenor, Jengka dan Kuala Sentol di Maran telah dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi penagihan dadah dan telah dilaksanakan Program Kawasan Berisiko Tinggi sejak tahun 2023.
		Masalah penyalahgunaan bahan terlarang di kawasan FELDA turut melibatkan ketum yang ditanam dan dibekalkan secara meluas di sekitar Jengka. Kawasan perindustrian seperti kilang di Jengka 3, Jengka 4 dan kilang sawit di Jengka 8, menjadikan kawasan tersebut antara	Hasil pelaksanaan program ini menunjukkan peningkatan bilangan kes pengawasan, yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		lokasi utama bekalan dan pengedaran bahan terlarang. Masalah rempit adalah bermusim dan biasanya muncul pada malam minggu di Pusat Jengka serta kemuncak sekitar musim perayaan.	menunjukkan keberkesanan dari segi pengesanan dan pemantauan penagih. Untuk tahun 2025 , program diperluas ke kawasan FELDA Jengka 8, 10, 14, 15 dan 16, dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. AADK turut menjelaskan bahawa individu yang dilihat di kawasan awam merupakan mereka yang masih di bawah pengawasan AADK, dan setakat ini kawasan tersebut masih dalam keadaan terkawal. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Maran Situasi dadah di daerah Maran masih terkawal walaupun terdapat penagih di beberapa kawasan. Dua pembekal besar telah dikenal pasti di kawasan Jengka, dan salah seorang telah berjaya ditangkap manakala seorang lagi masih dikesan. Operasi penguatkuasaan dijalankan secara berkala di kawasan hotspot dan KPI tahunan masih dicapai.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Polis turut menjelaskan bahawa permintaan (<i>demand</i>) terhadap dadah adalah faktor utama kewujudan bekalan (<i>supply</i>), dan pendidikan di akar umbi perlu diperkukuh untuk mengurangkan permintaan.
		Terdapat kebimbangan terhadap kesihatan mental belia dan ketidakterbukaan.	Jabatan Belia dan Sukan Isu tekanan emosi dan sosial dalam kalangan remaja adalah isu nasional, termasuk di kawasan FELDA dan kampung. Asas pencegahan gejala sosial bermula dari rumah, melalui pendidikan dan kawalan ibu bapa. Jabatan menyokong dan mengaktifkan NGO belia, termasuk: • Menyokong pendaftaran persatuan belia. • Memberi pengiktirafan seperti Johan dan Naib Johan NGO belia peringkat negeri (contoh: MBFM Jengka 6). • Cabaran bukan pada kekurangan aktiviti, tetapi sama ada belia mahu mengambil peluang yang disediakan oleh NGO dan kerajaan.
4.	Risiko penipuan atas talian	Penipuan atas talian seperti " <i>love scam</i> " kerap menjerat belia lelaki. Di kawasan ini sahaja, dianggarkan puluhan kes, iaitu sekitar 30 yang dikenal pasti melalui <i>FaceBook</i> dan beberapa lagi melalui aplikasi lain.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Jurang capaian digital dan mobiliti yang lemah	Capaian internet di beberapa kawasan masih tidak stabil. Rangkaian DIGI dikenal pasti paling bermasalah; kadang-kadang tiada liputan langsung, malah hanya menyokong 4G yang perlahan sedangkan kawasan lain sudah menggunakan 5G. Pengangkutan awam di Maran hanya berpusat di Stesen Bas Jengka dengan laluan ke KL dan utara, yang menyebabkan penduduk kampung sukar mengakses pengangkutan awam. Perkhidmatan pengangkutan e-hailing seperti Grab langsung tidak wujud dan keperluan terhadap pemilikan kenderaan sendiri untuk bergerak.	<i>Tiada maklum balas</i>
6.	Akses kesihatan setempat terhad	Parlimen Maran hanya mempunyai Klinik Kesihatan, manakala hospital terdekat adalah Hospital Jengka dan kes tertentu akan dirujuk terus ke Hospital Temerloh. Projek pembinaan hospital yang dirancang masih tergendala.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 3 - Kesukaran mengakses kemudahan kesihatan</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Gangguan bekalan air yang berterusan	Gangguan bekalan air seringkali berlaku apabila musim perayaan atau hujan lebat kerana kapasiti loji rawatan terhad. Apabila air sungai menjadi keruh, bekalan air tidak sampai ke rumah penduduk. Gangguan bekalan air ini melanda beberapa kampung sekitar termasuk Kampung Sentul (Ke-4, Ke-7) kerana satu loji membekalkan banyak kawasan.	Pejabat Daerah Maran Terdapat beberapa projek penambahbaikan infrastruktur air yang sedang dijalankan, iaitu dua projek utama yang sedang berlangsung iaitu projek penambahbaikan air di Seri Jaya dan Kampung Awah. Agensi menjelaskan bahawa projek-projek ini mengalami sedikit kelewatan, terutamanya di Loji Air Awah, tetapi dijangka siap sepenuhnya dalam tahun ini. Pelaksanaan projek ini dijangka dapat meningkatkan mutu dan keberkesanan bekalan air di Daerah Maran secara keseluruhan.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Cina Tarikh: 12 April 2025 Bilangan peserta: 17 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2. Pejabat Daerah Maran* 3. Penghulu Mukim 4. Ahli Parlimen Maran 5. Pejabat Pendidikan Daerah(PPD) 6. Jabatan Belia dan Sukan 7. Pejabat Kesihatan Daerah(PKD) <i>*Merujuk kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) (KPPD)</i>
1.	Ketidakpastian dan pertindihan tanah TOL di Kg Sri Jaya	Tanah TOL yang digunakan di kawasan Sri Jaya untuk tujuan perumahan dan pertanian sering menjadi rebutan, dan kegagalan penduduk membuat permohonan dalam tempoh ditetapkan menyebabkan kawasan yang diduduki mereka dipohon oleh pihak lain. Keadaan ini menyebabkan ramai kehilangan hak ke atas tanah yang telah didiami bertahun-tahun, termasuk ada yang telah menetap melebihi 20 tahun namun masih gagal memperoleh geran hak milik kekal.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ketiadaan milikan tanah yang sah menyukarkan penduduk membina rumah kekal, memohon pinjaman dan merancang pembangunan jangka panjang. Justeru komuniti Cina berharap kerajaan mempermudah serta mempercepat proses pemberian hak milik tanah. Tambahan, sejak setahun dua kebelakangan ini, syarikat-syarikat besar kerap hadir mengaku memiliki lot-lot tanah yang penduduk usahakan dan hampir setiap hari ada pihak datang menunjukkan “pelan” kepada tuan tanah lalu mengarahkan pengusaha keluar.	
2.	Defisit infrastruktur asas dan perkhidmatan awam akibat kelemahan perancangan pembangunan	Bekalan air di kawasan ini masih tidak konsisten terutamanya ketika kemarau dengan tekanan yang lemah hingga air tidak sampai ke rumah-rumah di kawasan tinggi. Akibat gangguan berulang, penduduk terpaksa bergantung kepada bekalan lori air sekitar tiga kali seminggu. Justeru komuniti mengharapkan peningkatan infrastruktur, termasuk menaik taraf saluran utama dan sistem tekanan agar keperluan harian tidak terus terjejas.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 2 - Kesukaran akses bekalan air bersih</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Rancangan Pembesaran Kampung (RPK) masih tidak mempunyai kemudahan asas yang lengkap walaupun tanah telah diagihkan kepada penduduk lebih 20 tahun lalu. Jalan di kawasan ini masih belum berturap, tiada sistem perparitan disediakan, dan ketiadaan lampu jalan. Jambatan dan sistem saliran sungai di kawasan berdekatan Kampung Srijaya sering tersumbat akibat timbunan daun kelapa sawit.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Keadaan jalan (di kawasan dan laluan Kampung Srijaya), iaitu jalan utama ke lombong besi kini rosak teruk dengan banyak lubang akibat puluhan lori berat dari lombong besi, lombong emas, estet, balak dan sawit yang melalui laluan itu setiap hari. Namun tiada agensi menyelenggara dan JKR menyatakan ia bukan bidang kuasa mereka.	Pejabat Daerah Maran Jalan kampung di Seri Jaya digunakan sebagai laluan utama oleh lori-lori lombong yang berpermit. Lori yang berpermit dengan kerajaan negeri diwajibkan membayar bon, dan sebarang kerosakan jalan akan dibaiki menggunakan bon tersebut. Namun, proses baik pulih tidak dapat dilakukan serta-merta. Ahli Parlimen Maran Mencadangkan agar isu ini dibawa ke peringkat Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk diteliti semula secara menyeluruh, dengan penglibatan penghulu dan ketua-ketua jabatan bagi mencari penyelesaian

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Penduduk menegaskan Maran kekal antara daerah paling ketinggalan di Pahang kerana tiada pelan kemajuan yang jelas. Ketiadaan industri serta institusi kolej mengekang peluang ekonomi dan pendidikan, meskipun kawasan ini majoritinya penduduk Melayu.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Komuniti Cina turut menyatakan projek hospital yang dijanjikan sudah 3-4 penggal masih tidak wujud walaupun lokasi dikatakan dipindah 2-3 kali tanpa satu pun tapak dibina, menyebabkan orang Maran terus mendapatkan rawatan di Kuantan atau Temerloh.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 3 - Kesukaran mengakses kemudahan kesihatan</i>
3.	Ketiadaan peluang kerja dan industri yang mendorong penghijrahan belia serta jurang sokongan sosial	Peluang pekerjaan di kawasan ini hampir tiada dan ketiadaan industri atau kilang, menyebabkan penduduk berkurang dan majoritinya hanya bergantung kepada pertanian. Ramai belia Cina berhijrah keluar sebaik tamat sekolah menengah, meninggalkan tempat asal demi mencari peluang pekerjaan di kawasan lain.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Komuniti menyatakan belia masih kekurangan peluang kerja stabil, manakala wanita khususnya ibu tunggal tidak mendapat akses latihan kemahiran dan bantuan keusahawanan. Justeru, komuniti Cina berharap agar program khusus wanita dan belia diwujudkan untuk memperkukuh sokongan sosioekonomi.	
4.	Risiko banjir dan keperluan penambahbaikan mitigasi bencana.	Cuaca hujan lebat, banjir dan musim tengkujuh dikenal pasti sebagai isu utama. Keperluan membersihkan sungai, melebarkan dan mendalamkan sungai berhampiran/sekitar.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 3, isu nombor 1 - Bencana banjir berulang</i>

Jadual 13. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti PPDK Tarikh: 14 April 2025 Bilangan peserta: 10 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pejabat Daerah Maran* 2. Penghulu Mukim *Merujuk kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) (KPPD)
1.	Kelewatan dan ketidakcukupan peruntukan PPDK menjejaskan operasi, kebajikan petugas dan pelatih	Pengurusan PPDK memaklumkan bayaran dana/elaun awal tahun lazimnya lambat masuk sering hanya diterima pada Mac atau April hingga pusat terpaksa menampung perbelanjaan sendiri sementara menunggu kemasukan wang. Peruntukan PPDK jelas tidak mencukupi dan sering lewat masuk menyebabkan operasi terpaksa ditampung sendiri dan mencari sumbangan luar. Malahan, kerja penyelenggaraan ditanggung sendiri kerana tiada peruntukan khusus. PPDK menerima bantuan daripada kerajaan negeri, iaitu RM500 bagi setiap petugas dan RM250 bagi setiap pelatih. Namun, jumlah ini tidak memadai berbanding keperluan sebenar operasi harian.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kadar elaun semasa terlalu rendah berbanding beban tugas. Penyelia menerima sekitar RM1,500 sebulan, petugas RM1,200, manakala pelatih mendapat saguhati RM300. Kadar ini lebih rendah daripada penanda gaji B40 semasa dan tidak sepadan dengan tanggungjawab menjaga sehingga 25 kanak-kanak OKU, yang menuntut tenaga dan kestabilan emosi tinggi.	
2.	Defisit tenaga pengajar dan keperluan profesionalisasi PPDK.	Ibu bapa dan pengurusan PDK mencadangkan agar kerajaan menukar status tenaga pengajar daripada penerima elaun kepada jawatan tetap di bawah kerajaan, dengan gaji yang mematuhi gaji minimum. PPDK kini berhadapan dengan kekurangan tenaga pengajar. PPDK menampung sekitar 25-26 kanak-kanak OKU dengan hanya seorang penyelia dan tiga petugas sedangkan garis panduan kementerian menetapkan nisbah seorang guru bagi lima murid. PDK beroperasi tanpa pembantu hingga petugas terpaksa merangkap tukang masak, sedangkan emosi anak-anak OKU sering tidak stabil dan memerlukan tumpuan rapat.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Keadaan ini menambah tekanan mental apabila hanya segelintir staf perlu mengurus sekitar 25 pelatih. Komuniti meminta kerajaan dan agensi berkaitan memperkasa PPDK dengan melatih guru dari segi psikologi dan kursus profesional, kepelbagaian modul kemahiran dan menghidupkan semula perkhidmatan sokongan kesihatan seperti fisioterapi. Malahan, terdapat kepentingan mewujudkan lawatan perubatan berkala untuk menilai pelatih serta membimbing tenaga pengajar tentang kaedah pemulihan yang betul.	
3.	Ketidakjaminan premis dan keusangan infrastruktur asas PPDK	PPDK kini menyewa bangunan (RM1,500 termasuk utiliti) yang bukan milik sendiri, sekadar “menumpang” dan pemilik boleh mengambilnya semula pada bila-bila masa. Terdapat keperluan penyelenggaraan atau baik pulih bangunan PPDK. Gangguan bekalan air yang berterusan terutamanya pada waktu malam.	<i>Tiada maklum balas</i> <i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 2 - Kesukaran akses bekalan air bersih</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Jurang akses dan relevansi intervensi PPDK masih terhad	Terdapat keperluan untuk menyediakan modul latihan disesuaikan dengan kecenderungan dan kemahiran praktikal pelatih. Keperluan menambah PPDK di setiap parlimen. Kesedaran tentang PPDK masih rendah. Ramai ibu bapa yang mempunyai anak OKU tidak tahu kewujudannya dan komuniti sendiri kurang faham fungsi PPDK.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Ketiadaan dasar dan perlindungan jangka masa panjang untuk anak-anak OKU	Dasar pasca-penjaga tidak jelas menyebabkan risiko “manusia terbiar” berterusan. Tambahan, PPDK perlu diperkukuh supaya menjadi kesinambungan selepas tamat persekolahan. Terdapat keperluan cadangan dana khusus disalurkan untuk projek pendidikan (teknologi/komputer) dan lawatan pakar, sementara AJK PDK/komuniti memohon peruntukan tambahan bagi menjalankan aktiviti.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Para penjaga mencadangkan agar pelatih PDK turut dilindungi insurans sebagaimana pelajar sekolah yang membayar sekitar RM150 setahun. Mereka menyarankan pihak pengurusan bekerjasama dengan mana-mana agensi takaful atau syarikat insurans untuk menyediakan pelan perlindungan dengan kadar serendah mungkin, termasuk pilihan ditanggung sendiri oleh ibu bapa.	

Jadual 14. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti India Tarikh: 14 April 2025 Bilangan peserta: 15 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2. Pejabat Daerah Maran* 3. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) 4. Ahli Parlimen Maran 5. Pejabat Pendidikan Daerah(PPD) 6. Jabatan Belia dan Sukan 7. Pejabat Kesihatan Daerah(PKD) <i>*Merujuk kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) (KPPD)</i>
1.	Ketidakpastian hak milik dan keterciciran perumahan Komuniti India luar bandar (Sungai Jerik dan sekitar)	Komuniti berdepan isu ketiadaan tapak dan rumah milik sendiri. Komuniti India termasuk generasi ketiga terpaksa menyewa rumah taman manakala sebahagian keluarga India di Sungai Jerik terus menetap di tanah kebun atau rumah kongsi ladang tanpa geran hak milik yang sah. Penduduk menyatakan tidak tahu mengapa mereka belum mendapat rumah dan kelemahan penyampaian maklumat memburukkan keadaan, menyebabkan	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		sebahagian masih menunggu peluang memiliki tapak atau kediaman sendiri. Penduduk menegaskan ketiadaan geran hak milik yang sah menjejaskan jaminan keselamatan tempat tinggal dalam jangka panjang. Status tanah sewaan atau TOL menyukarkan penduduk mendapatkan bantuan kerajaan seperti rumah mampu milik atau skim Rumah MADANI. Justeru, mereka mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan pemutihan status tanah bagi penempatan lama dan mempertimbangkan pemberian hak milik, di samping merangka program khas penempatan semula atau bantuan pembinaan rumah khusus untuk komuniti India luar bandar. Sebahagian tapak telah diterima, namun pihak berkuasa masih belum menggazetkan banyak lagi penempatan termasuk milik mangsa banjir menyebabkan ramai penduduk terus tinggal di rumah tanpa tapak perumahan yang sah.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Penduduk menganggap proses pemberian tapak rumah tidak telus dan pilih kasih. Cabutan dahulu dikendalikan oleh JKK dan MIC, namun bilangan penerima dalam kalangan masyarakat India sangat sedikit, malah ada orang luar yang turut menerima walaupun bukan penduduk tempatan. Walaupun kerajaan negeri dan pejabat daerah bersetuju memberi tapak terutamanya kepada mangsa banjir dan mereka yang tinggal berhampiran kawasan kerja, namun ramai masih tidak menerima sebarang lot. Proses agihan juga hanya dilakukan sekali dan selepas itu tiada lagi pemberian baharu, dengan sekitar 30 orang sahaja yang mendapat tapak. Ramai penduduk kekal tidak memiliki tanah, dan maklumat berkaitan kelulusan atau agihan pula tidak sampai kepada komuniti, menyebabkan isu penempatan kekal berlarutan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Komuniti India menuntut tanah perkuburan khas yang diwartakan kerana tapak sedia ada belum diiktiraf, sempadan kerap diceroboh, tiada pengurusan, dan urusan pengebumian menjadi sukar dari segi logistik serta adat. Mereka telah berusaha melalui ketua kampung dan wakil setempat, namun proses masih tertangguh. Justeru, mereka mencadangkan kerajaan memperuntuk dan menggazet lot rasmi serta menubuhkan jawatankuasa pengurusan bagi menjamin kelestarian tapak jangka panjang. Penduduk menjelaskan bahawa tanpa tanah perkuburan dan tempat khas, pengurusan jenazah dan ritual akan terganggu.	
2.	Kemerosotan peluang kerja, penghijrahan belia dan peminggiran tenaga kerja tempatan	Kekurangan peluang pekerjaan. Dulu kawasan ini ada kilang, tetapi selepas kilang ditutup peluang pekerjaan hilang dan seluruh komuniti pekerja kilang terpaksa berpindah keluar mencari rezeki di tempat lain.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 5, isu nombor 1- Kesukaran mengakses sektor ekonomi dan pekerjaan</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ladang/estet kini dimonopoli pekerja asing. Penduduk menyatakan penghijrahan belia sangat tinggi, iaitu sekitar 70 peratus anak muda keluar kerana tiada peluang pekerjaan. Banyak kedai tidak dapat bertahan dan ditutup kerana kurang pelanggan. Sebahagian besar penduduk bekerja sebagai "general worker" termasuk pemandu jentera berat, dengan hampir tiada yang berkhidmat dalam sektor kerajaan. Corak pekerjaan ini kekal dalam sektor tidak formal dan berpendapatan tidak tetap. Pekerjaan dalam bidang kemahiran seperti mekanikal atau pengangkutan masih sangat terhad, manakala belia dan wanita pula berdepan kekurangan perlindungan sosial serta tidak terdedah kepada peluang latihan atau pembiayaan yang boleh meningkatkan keupayaan mereka.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Keterciciran akses pendidikan Tamil dan mobiliti sekolah menengah (Sungai Jerik dan sekitar)	Akses pendidikan Tamil setempat masih lemah. Sekolah Tamil hanya wujud sebagai “bahagian Tamil” dalam SJKC (bukan sekolah penuh), jumlah kelas/muridnya kecil, dan lokasi jauh memaksa ramai pelajar menanggung sendiri kos pengangkutan hingga menjejaskan kehadiran dan kemudahan sokongan seperti perpustakaan serta ICT tidak mencukupi.	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Terdapat tiga buah SJKC di Maran di Peming, Maran dan Jerik. Sekolah-sekolah ini berkongsi pentadbiran dan infrastruktur. Isu kekurangan pelajar kaum Tamil ditangani dengan perkongsian kemudahan yang ada. Trend menunjukkan penurunan pendaftaran pelajar Cina di beberapa SJKC yang kini berpindah ke SJKC Peming.
		Akses ke sekolah menengah menjadi cabaran utama di mana sekolah terdekat terletak di Jengka 2 kira-kira 12 km dari kampung. Tambahan, bas yang dahulunya beroperasi kini tidak lagi masuk, memaksa pelajar mengurus pengangkutan sendiri.	Pejabat Pendidikan Daerah(PPD) Data keciciran di Maran tidak kritikal dan hanya melibatkan sekitar 35 pelajar. Proses pemantauan dilakukan melalui sistem data pendidikan, dan pelajar yang hilang daripada sistem perlu ditangani melalui intervensi sekolah.
		Ketiadaan pengangkutan menyebabkan sebahagian murid langsung tidak ke sekolah, sementara jurang komunikasi dan ketiadaan saluran suara komuniti membuat ramai tidak tahu kepada siapa harus mengadu. Keadaan ini bertambah parah bagi komuniti India di pedalaman Sungai Jerik yang jarang keluar dan semakin terasing.	Pihak sekolah bertanggungjawab melaksanakan intervensi awal melalui guru, kaunselor dan pentadbiran sekolah. Pelajar Tingkatan 5, walaupun berisiko cecir, tidak boleh dibuang tetapi perlu diberi peluang intervensi. Isu utama keciciran sering berpunca daripada pertukaran alamat tanpa pemindahan rasmi, menyebabkan data tidak dikemas kini.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Kesukaran akses perbankan dan tunai	Ketiadaan mesin ATM berdekatan, menyebabkan mereka perlu ke bandar pusat atau ke Jengka 3 yang terletak kira-kira 20 km. Bank bergerak pula hanya datang seminggu sekali.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Penglibatan komuniti India dalam struktur rasmi terhad	Komuniti India tidak mempunyai wakil tetap dalam struktur rasmi kampung seperti JKK atau KRT. Ini menyebabkan maklumat tidak sampai, suara mereka tidak diangkat dan kadar penyertaan dalam aktiviti perpaduan dan pembangunan sosial juga rendah.	<i>Tiada maklum balas</i>
6.	Peningkatan pengambilan alkohol dan kebimbangan bahan baharu ("mushroom") dalam komuniti India setempat	Pengambilan alkohol disebut lebih kerap berlaku dalam kalangan sebahagian komuniti India setempat. Terdapat kebimbangan terhadap dadah "Mushroom".	<i>Tiada maklum balas</i> <i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 5, isu nombor 3-Gejala sosial dan kesihatan mental dalam kalangan belia</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Risiko banjir dan kelemahan penyelenggaraan banjir	Penduduk menyatakan banjir berlaku tiga kali pada 2007, 2014 dan 2021. Manakala tahun lalu tiada kejadian, menunjukkan kekerapan banjir semakin berkurang. Walaupun begitu, penduduk tetap hidup dalam kebimbangan setiap kali hujan lebat kerana paras air sungai akan meningkat dan sering melimpah, menyebabkan kawasan kampung mudah dinaiki air. Kedudukan kampung berhampiran sungai seperti Sungai Jerik dan kawasan berhampiran air terjun turut meningkatkan risiko limpahan air. Terdapat keperluan penyelenggaraan berkala. Walaupun JPS pernah membina saliran/anak sungai tetapi tanpa “periodic maintenance” kerja-kerja itu tidak berkesan; jalan pula memerlukan sistem pengairan yang teratur dengan longkang berfungsi.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 3, isu nombor 1 - Bencana banjir berulang</i>

Jadual 15. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Penerima Rumah Bantuan Kerajaan Tarikh: 14 April 2025 Bilangan peserta: 20 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 4 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2. Pejabat Daerah Maran* 3. Ibu Pejabat Daerah (IPD) 4. Ahli Parlimen Maran 5. Pejabat Pendidikan Daerah(PPD) 6. Jabatan Belia dan Sukan 7. Pejabat Kesihatan Daerah(PKD) 8. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 9. PERHILITAN 10. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) 11. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) <i>*Merujuk kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) (KPPD)</i>
1.	Kekurangan ekosistem pekerjaan yang memaksa penghijrahan penduduk setempat	Penduduk menegaskan peluang kerja menjadi isu utama di kawasan ini. Ketiadaan pekerjaan yang stabil menyebabkan ramai tidak berpendapatan tetap. Pekerjaan setempat sejumlah besar terdiri daripada kerja kontrak dan kerja kampung seperti menoreh getah dengan pendapatan tidak menentu (sekadar RM20-RM30 sehari).	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 5, isu nombor 1 - Kekangan pendidikan dan kemahiran belia yang terhad</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Sementara sebahagian penduduk bergantung pada gig ekonomi seperti Grab; ramai hanya mampu “makan gaji” sama ada dalam sektor kerajaan atau bekerja dengan tauke, di samping berkebun seringnya di kebun milik orang lain. Malahan, peluang kerja tempatan yang terhad ini memaksa penduduk berulang-alik bekerja jauh hingga ke Kuantan.. Penghijrahan belia Maran ke luar kerana ketiadaan peluang kerja tempatan. Sebaik tamat belajar mereka keluar mencari rezeki, manakala yang tinggal terutama yang menjaga ibu bapa tersepit tanpa pilihan. Malahan, ramai belia berkemahiran, termasuk yang berkemahiran tinggi tidak dapat memanfaatkan kepakaran di tempat sendiri. Terdapat keperluan pelaburan segera di Maran dengan mewujudkan kawasan perindustrian dan pusat kemahiran bagi membuka peluang pekerjaan kepada belia.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Ketiadaan kilang dan zon industri ketika ini memaksa ramai anak muda termasuk graduan berhijrah keluar daerah. Ketiadaan pusat pengajian kemahiran tetap di Maran. Jika ada pusat kemahiran, hanya menyewa di bangunan kedai dan tidak kekal. Penduduk meminta pusat kemahiran tetap seperti Kolej Komuniti atau IPTA dibangunkan.	
2.	Kualiti perumahan bantuan kerajaan yang rendah dan tidak memenuhi keperluan asas penghuni	Penduduk menyatakan mutu rumah PPRT sangat rendah dengan keadaan pintu mudah kembang apabila hujan hingga tidak boleh ditutup dan masalah ini berlarutan bertahun-tahun. Air hujan pula kerap masuk ke dalam rumah menyebabkan kerosakan barangan, malah setiap unit sepatutnya dilengkapi awning di hadapan dan pintu dapur bagi mengelakkan tempias tetapi kemudahan tersebut langsung tidak disediakan. Mereka turut menyifatkan pembinaan rumah dilakukan secara sambil lewa tanpa mengambil kira keselesaan dan keperluan asas penghuni.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pembinaan rumah bantuan kerajaan ini dibina tanpa kelengkapan asas yang memadai dan sistem pembentungan yang sistematik. Penduduk menyatakan rumah PPRT memerlukan penyelenggaraan yang baik dan menggesa pihak berwajib mempercepat pemasangan awning supaya air tidak terus masuk hingga memaksa penduduk menukar pintu berulang kali. Tambahan, di PPRT Kg Bak-Bak Luar, kerosakan pula merangkumi bumbung bocor, kayu tidak kukuh dan rumah terbiar tanpa pemantauan.	
3.	Gangguan bekalan air yang berterusan	Bekalan air terputus hampir setiap malam, lazimnya bermula sekitar 9-10 malam hingga 5-6 pagi. Di Kg Bak-Bak, gangguan berlaku lebih kerap hingga penduduk membuka paip pada jam 9 malam namun tetap tiada air, malah ada kalanya bekalan “jarang-jarang ada” ketika pihak berkaitan menjalankan kerja cuci tangki.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 2 - Kesukaran akses bekalan air bersih</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kekerapan gangguan air yang semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Jika dahulu gangguan berlaku seminggu sekali atau 2-3 kali sebulan, kini bekalan terputus hampir setiap hari. Tambahan, menurut penduduk amalan catuan air yang meluas hingga merangkumi kawasan perumahan, menyebabkan ada tempat mengalami ketiadaan air dua minggu sekali atau 2-3 kali sebulan. Penduduk terpaksa mencari alternatif sendiri seperti memasang tangki air. Namun, majoriti berpendapatan rendah tidak berupaya dan cadangan membuat telaga tiub (boring) yang menelan kos sekitar RM10,000. Akibatnya mereka bergantung kepada lori tangki air yang sering tiba sekitar jam 3–4 pagi.	<i>Tiada maklum balas</i>
4.	Kelemahan prasarana dan perkhidmatan asas yang menjejaskan akses, keselamatan	Lampu jalan tidak mencukupi, dari sepanjang simpang atau jalan luar sehingga ke Kampung Bak-Bak yang menyebabkan kawasan gelap terutamanya pada waktu malam.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	dan kesejahteraan komuniti	Penduduk menyatakan kepentingan pemasangan lampu jalan yang berfungsi dengan baik termasuk pilihan lampu solar bagi mencerahkan laluan, meningkatkan keselamatan, dan memudahkan pergerakan pada waktu malam. Penduduk menyatakan jalan utama, iaitu jalan keluar masuk ke Kg Bak-Bak, masih belum siap dengan sepenuhnya. Kerja pembaikan tertangguh kerana TNB belum mengalihkan tiang. Penduduk turut mendesak JKR mempercepat naik taraf dan memulihkan akses sekurang-kurangnya “sempurna untuk keluar masuk”, bukan sekadar cantik. Terdapat keperluan pembinaan balai raya/dewan serba guna yang boleh berfungsi sebagai pusat perpindahan banjir, menampung aktiviti komuniti, malah menjana pendapatan. Penduduk menegaskan keperluan ini penting dan telah lama dimohon namun masih tiada tindakan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kutipan sampah dari pihak Majlis sukar dilaksanakan kerana ramai berpendapatan rendah dan tidak mampu menanggung cukai pintu. Kesannya, penduduk kini membuang sampah di luar kampung di tepi jalan (tempat pembuangan sampah). Mereka memohon satu penyelesaian praktikal seperti menyediakan satu lokasi tong sampah berpusat yang PPRT boleh urus, serta pertimbangkan skim sumbangan sosial/kadar kutipan yang bersesuaian dengan kemampuan penduduk berpendapatan rendah.	
		Ketiadaan hospital di Parlimen Maran dan penduduk perlu menempuh kira-kira 46 km (sekitar sejam perjalanan) ke hospital terdekat, iaitu Hospital Temerloh.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 3- Kesukaran mengakses kemudahan kesihatan</i>
		Liputan internet dan telefon di kawasan ini tidak stabil. Walaupun pencawang wujud sejak 10 tahun, mereka tidak pasti status operasinya kerana kualiti internet masih tidak memuaskan. Malahan, masalah ini bukan terpencil malah merentasi seluruh daerah Maran.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pergerakan harian sangat bergantung kepada kenderaan persendirian. Tanpa kenderaan, penduduk akan berhadapan dengan kesukaran untuk keluar bekerja dan aktiviti harian yang lain.	
5.	Bencana banjir	Penduduk menjelaskan kejadian banjir di kawasan ini tidak menentu. Sebagai contohnya ada tahun tidak berlaku banjir dan ada yang berlaku setahun sekali. Malah ada juga dua kali setahun dengan pola kekerapan banjir banyak bergantung pada hujan yang turun tidak menentu. Faktor banjir adalah cuaca dan lokasi berhampiran sungai.	<i>Tiada maklum balas</i> <i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 3, isu nombor 1 - Bencana banjir berulang</i>
6.	Kesukaran dan ketidaktelusan dalam akses bantuan sosial	Kesukaran ibu tunggal dalam mendapatkan bantuan kewangan. Agihan sumbangan yang menyebelahi "geng-geng" tertentu. Bantuan daripada kerajaan seperti Bantuan Sara Hidup berhadapan kegagalan tanpa alasan yang jelas.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 1 - Kekurangan akses kepada bantuan dan sokongan kebajikan</i> <i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Terdapat ketidakadilan dalam pemberian bantuan komputer bagi pelajar sekolah yang memberi kesan langsung kepada keciciran bantuan kepada murid dari keluarga susah.	
7.	Pertembungan hidupan liar dengan komuniti	Kehadiran haiwan liar seperti monyet, anjing liar dan babi hutan yang mengganggu kehidupan masyarakat.	PERHILITAN Satu insiden luar biasa berlaku baru-baru ini apabila kumpulan gajah muncul di Maran – kali pertama dalam tempoh dua dekad. Sebanyak enam ekor gajah berjaya ditangkap di kawasan Sungai Jerik, Kampung Air Terjun dan Seri Galung, dan salah seekor telah dipasang kolar GPS untuk pemantauan pergerakan. Walaupun begitu, masih terdapat satu lagi kumpulan gajah yang belum dapat dikesan sepenuhnya, khususnya di kawasan Paya Rambutan. Proses tangkapan dijalankan oleh unit khas dari Kuantan. Perhilitan menyatakan bahawa konflik dengan haiwan seperti kera dan babi hutan adalah perkara biasa dan turut berlaku di banyak tempat lain, buat masa ini, situasi di Maran masih terkawal dan tidak dianggap terlalu serius.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Ahli Parlimen Maran Kehadiran gajah ini merupakan fenomena luar biasa kerana dalam lebih 40 tahun beliau berada di Maran, ini adalah kali pertama insiden sebegini berlaku. Beliau mengaitkannya dengan perubahan habitat semula jadi gajah.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 *Pengutamaan Isu 1: Pembangunan Ekonomi Ibu Tunggal Terhadap*

Golongan Ibu Tunggal di Parlimen Maran memperlihatkan jurang nyata antara keperluan harian dengan keupayaan sistem untuk menyantuni golongan rentan. Di kampung dan penempatan seperti Mukim Bukit Segumpal, ramai ibu tunggal bergantung pada kerja kampung, niaga kecil dan upah harian, sambil menanggung lonjakan harga barang asas. Dalam tempoh tertentu sebelum PRU15, bantuan pernah menyentuh “seribu lebih” penerima, namun kesinambungan program selepas itu terputus, lalu keluarga kembali bergelut tanpa jaring sokongan yang stabil. Kesannya, ibu tunggal masih jauh ke belakang dalam pembangunan ekonomi setempat.

- **Ketiadaan sumber pendapatan tetap**

Ramai ibu tunggal di Maran tidak mempunyai sumber pendapatan tetap dan bergantung kepada sektor tidak formal demi kelangsungan hidup. Dalam masa yang sama, mereka turut kurang mendapat sokongan sosial yang komprehensif, menyebabkan mereka berdepan tekanan ekonomi dan emosi secara berterusan. Gambaran hidup ibu tunggal terserlah sebagai rentetan perjuangan yang panjang, terpecah antara kos sara hidup yang meningkat, saluran bantuan yang sukar diakses, dan beban emosi yang sering dipendam. Ramai yang memasuki fasa ibu tunggal secara tiba-tiba akibat kematian pasangan atau perceraian lalu terjun ke dunia kerja tidak formal dan kerja kampung, menyulam pendapatan kecil untuk menyambung hidup. Ada yang bertahun-tahun berdikari tanpa bantuan berkala, menoreh getah untuk dijual ketika anak-anak masih kecil, dan terus melangkah biarpun keletihan, dan kekurangan menjadi latar harian.

- **Kesukaran mendapatkan bantuan dan sokongan kebajikan**

Secara asasnya, Ibu Tunggal tidak mempunyai satu bantuan yang khusus. Perkara ini turut dinyatakan oleh para ibu tunggal di Parlimen Maran dengan menyatakan bahawa mereka berhadapan dengan kesukaran mendapatkan bantuan khususnya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pada masa ini bantuan daripada pihak JKM hanya memberi fokus bantuan kanak-kanak sahaja. Walaupun Ibu Tunggal ini boleh memohon bantuan lain seperti zakat, namun proses dan syarat yang ketat menyukar permohonan dan seringkali menemui kegagalan. Sistem kelayakan yang kaku menolak permohonan kerana pemohon “masih muda dan boleh bekerja”, sedangkan gaji yang diterima amat rendah. Malahan, apabila usia meningkat, alasan berubah pula kepada “anak sudah besar”, seolah-olah beban ekonomi dan penjagaan hilang begitu sahaja. Dalam masa yang sama, terdapat lelaki dewasa yang masih sihat mampu menerima bantuan tetap, mengukuhkan persepsi jurang jantina dalam agihan sumber.

- **Tekanan emosi selepas kehilangan pasangan**

Dalam sudut kekeluargaan, seorang wanita bukanlah tunjang keluarga. Namun, permasalahan timbul apabila seorang wanita kehilangan tempat bergantung dan mengambil tugas sebagai ketua keluarga selepas kehilangan pasangan samada kehilangan atas faktor penceraian atau kematian. Ketiadaan bapa dalam sistem kekeluargaan mampu mempengaruhi peranan ketua keluarga untuk mengurus dan membimbing sistem keluarga terutamanya terhadap kesejahteraan anak. Kesannya, golongan ibu tunggal terpaksa mengambil alih beban dan peranan bapa dalam aspek pengurusan, penjagaan dan bimbingan. Semasa sesi perbincangan bersama dengan ibu tunggal di parlimen Maran, rata-rata ibu memikul kesedihan, urusan harian, dan beban ekonomi serentak. Emosi lazim termasuk sedih mendalam, marah, rasa bersalah, takut masa depan dan keletihan yang berpanjangan. Walaupun emosi ini adalah rentetan dalam proses berduka, namun memerlukan ruang dan sokongan terarah yang memerlukan sokongan pelbagai pihak.

Jadual 16. Ringkasan Pengutamaan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Ketiadaan sumber pendapatan tetap 2. Kesukaran mendapatkan bantuan dan sokongan kebajikan 3. Tekanan emosi selepas kehilangan pasangan
Cadangan Penyelesaian	1. Projek penjanaaan ekonomi 2. Kursus psikologi dan bimbingan emosi
Kumpulan Sasaran	Ibu Tunggal
Kawasan	Mukim Bukit Segumpal
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar untuk semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur sebagai individu dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari. Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional.

SDG 5: Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa semua golongan wanita	Sasaran 5.1: Menamatkan semua bentuk diskriminasi terhadap semua golongan wanita di seluruh dunia.
SDG 10: Mengurangkan ketidakaksamaan dalam dan antara negara	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam sosial, ekonomi dan politik tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Kekurangan Peluang Pekerjaan

Peluang pekerjaan tempatan di Maran tertumpu kepada kilang kelapa sawit dan kerja kampung, dengan ketiadaan industri baharu dan susutnya peluang sektor pembuatan. Keadaan ini mendorong penghijrahan belia ke bandar berhampiran seperti Kuantan serta ke Lembah Klang. Kekurangan pengangkutan awam, akses internet tidak stabil, serta kemudahan asas yang tidak memadai mengekang mobiliti pekerjaan dan pembentukan peluang ekonomi setempat. Implikasinya termasuk pendapatan rendah dan tidak stabil, jurang kemahiran dengan pasaran pekerjaan, serta risiko gejala sosial dalam kalangan belia. Tambahan, kekurangan peluang pekerjaan ini turut memberi kesan langsung kepada pembangunan sosioekonomi komuniti Orang Asli setempat yang secara asasnya jauh dari pembangunan dan natijahnya mereka masih ditakuk yang sama.

- **Kekurangan industri dan kilang**

Struktur ekonomi setempat didominasi oleh aktiviti sawit dan hampir tiada industri besar selain kilang sawit. Kilang sedia ada pula cenderung menggaji pekerja lebih berusia, dengan penyertaan belia dianggarkan kecil. Dalam masa yang sama, kilang elektronik yang pernah beroperasi di Jengka telah mengecilkan operasi dan memindahkan pekerja, menandakan penyusutan peluang pembuatan serantau. Gaji tipikal kerja kilang atau tukang kebun berada sekitar RM1,300 hingga RM1,700 selepas potongan, malah ada kes pekerjaan menerima sekitar RM600 sebulan, memperlihatkan had keupayaan pekerjaan sedia ada untuk menampung kos hidup.

- **Penghijrahan belia ke bandar**

Parlimen Maran berdepan penghijrahan belia ke luar daerah untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik. Fenomena ini sering disebut oleh komuniti setempat merentas kaum dan lokaliti. Ketiadaan industri baharu serta bilangan kilang yang terhad mengehadkan peluang kerja dan mengurangkan keupayaan belia untuk terus menetap di kampung. Kebanyakan belia memilih untuk bekerja di luar, termasuk ke Kuantan dan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, sebahagian belia kekal di kampung atas faktor kekeluargaan, khususnya dalam kalangan wanita yang berdepan kekangan untuk berhijrah tanpa keizinan ibu bapa.

- **Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas**

Kebersihan persekitaran bandar dan desa menjadi penentu pengalaman pengguna serta kesihatan komuniti. Apabila pengurusan sisa tidak cekap, lambakan dan bau menjejaskan ruang niaga dan kawasan rekreasi. Di Kg La, Pasir Akar dan Keruak penempatan tong tidak sesuai dan jumlah yang tidak mencukupi menyebabkan limpahan. Di Taman Tasik, kualiti kebersihan merosot apabila amalan pembuangan tidak berhemah tidak ditangani dengan tegas. Peniaga kecil, keluarga yang berkunjung dan kontraktor kutipan sisa merupakan pihak yang perlu diselaraskan tindakannya agar keadaan bertambah baik.

- **Pembangunan sosioekonomi Orang Asli masih rendah**

Sumber rezeki komuniti Orang Asli di Kampung Paya Besar bertumpu pada kerja kampung dan kebun kecil. Sebahagian besar komuniti menyatakan mereka bekerja sendiri di kampung sebagai pekebun, penoreh, dan pekerja upah harian. Keadaan ini membentuk ekonomi sara diri yang rapuh serta bergantung kuat kepada musim dan cuaca. Kitaran cuaca dan banjir terus menekan pendapatan. Musim hujan menutup peluang bekerja di kebun dan menoreh sehingga aliran tunai harian terputus. Dalam situasi ini, isi rumah mengecilkan perbelanjaan dan beralih kepada makanan asas yang mudah diperoleh di sekitar kampung dan hutan belantara.

Jadual 17. Ringkasan Pengutamaan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan industri dan kilang 2. Penghijrahan belia ke bandar 3. Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas 4. Pembangunan sosioekonomi Orang Asli masih rendah
--	---

Cadangan	Program berbentuk kemahiran untuk penjana pendapatan
Kumpulan Terjejas	Belia, Komuniti India, Orang Asli
Kawasan	Kampung Orang Asli Paya Besar, Kg Sungai Jerik, Mukim Chenor Bandar
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk kewangan mikro.
SDG 4: Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.
SDG 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran Sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.
SDG 10: Mengurangkan ketidaksamaan dalam dan antara negara	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam sosial, ekonomi dan politik tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain

4.2.3 Pengutamaan Isu 3 : Kemandirian Orang Kurang Upaya

Orang Kurang Upaya (OKU) sering tidak menikmati akses dan peluang yang setara dalam pendidikan, pekerjaan dan kesihatan. Masyarakat masih menghadapi kemandirian OKU terutamanya selepas tamat program di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) sedangkan PPDK sepatutnya mengukuhkan kemahiran harian, sosial dan vokasional untuk membolehkan mereka berdikari. Di Parlimen Maran, kelemahan peralihan sekolah ke komuniti dan hala tuju pascasekolah terus membimbangkan; sokongan terhadap tadbir urus serta kelestarian PPDK masih tidak mencukupi dan kesedaran komuniti serta keterlibatan ibu bapa di PDK kekal rendah. Keadaan ini mengekang peluang OKU untuk menyertai pendidikan lanjut, memasuki pasaran kerja dan mengakses perkhidmatan kesihatan dengan berkesan.

- **Kewangan dan kelestarian operasi PPDK terhad**

Pada masa kini, PPDK Kg Bak-Bak masih lagi baru dalam operasi dan berhadapan dengan kekurangan dana untuk kelestarian operasi. Tidak dapat dinafikan, majoriti PPDK bergantung pada elaun dan geran teras yang menampung perkara asas. Kos aktiviti kurikulum, pengangkutan, penyelenggaraan bangunan, peralatan terapi, bahan bantu mengajar dan latihan petugas sering memerlukan dana tambahan. Petugas pula lazimnya berstatus penerima elaun. Ini memberi kesan kepada motivasi, kesinambungan perkhidmatan dan keupayaan pusat mengekalkan nisbah petugas kepada pelatih yang sesuai. Perkara ini turut disokong oleh pihak pengurusan PPDK Kg Bak- Bak sendiri di mana mereka turut berhadapan dengan kekurangan petugas dalam mengendalikan pelatih-pelatih di PPDK ini.

- **Akses dan kapasiti perkhidmatan PPDK tidak memadai**

Dari sudut pengurusan PPDK di Parlimen Maran, pihak pusat gigih menyediakan perkhidmatan terbaik melalui aktiviti yang mengukuhkan pengurusan diri pelatih. Namun, sebahagian ibu bapa mengharapkan latihan yang lebih pelbagai dan sesuai mengikut jenis ketidakupayaan anak. Atas sebab itu, pemadanan antara minat dan kebolehan menjadi keutamaan, manakala modul perlu berbeza mengikut profil pelatih agar tiada yang tercicir. Contohnya, jalur modul berfokus teknologi dan alat peranti, hafazan serta latihan pendengaran, atau pertanian bandar. Walaupun begitu, kekangan utama seperti dana yang terhad telah menghadapi aktiviti kokurikulum dan intervensi kemahiran. Justeru, sokongan sistemik daripada semua pihak amat diperlukan bagi menjamin kesinambungan program dan kejayaan kemandirian pelatih pada masa akan datang.

- **Kesedaran komuniti dan keterlibatan ibu bapa masih rendah**

Kekuatan utama PPDK ialah penglibatan dan perhubungan yang erat dengan komuniti. Namun, PPDK masih lagi berhadapan dengan kekurangan tahap kefahaman masyarakat tentang peranan PPDK dan keperluan OKU belum serata. Menurut ibu bapa yang hadir pada sesi dialog ini, mereka menyatakan bahawa masih ramai lagi ibu bapa yang mempunyai anak-anak OKU tidak sedar akan kewujudan dan peranan PPDK. Kesannya, anak-anak OKU masih lagi berada di rumah tanpa terdedah dengan dunia luar.

Jadual 18. Ringkasan Pengutamaan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kewangan dan kelestarian operasi PPDK terhad 2. Akses dan kapasiti perkhidmatan PPDK tidak memadai 3. Kesedaran komuniti dan keterlibatan ibu bapa masih rendah
Cadangan	1. Projek Interactive Learning 2. Keusahawanan mikro PDK 3. Program penajaan pendapatan
Kumpulan Terjejas	Komuniti OKU
Kawasan	PPDK Bak Bak, Maran
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 3: Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang penting dan berkualiti serta akses kepada ubat dan vaksin penting yang selamat, berkesan, berkualiti dan mampu dimiliki oleh semua.
SDG 4: Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.

SDG 10: Mengurangkan ketidaksamaan dalam dan antara negara	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam sosial, ekonomi dan politik tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.
SDG 11: Menjadikan bandar dan penempatan penduduk sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan	Sasaran 11.3: Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, mampan dan bersepadu di semua negara.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 19. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Menangani Kekurangan Sumber dan Dana untuk Kelestarian Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Kg Bak-Bak Maran	Projek Urutan Orang Asli Yang Menetap di Kampung Paya Besar, Maran	Projek Pembangunan Kemahiran dan Pendapatan Ibu Tunggal Bukit Segumpal
SDG Berkaitan	SDG3, SDG4, SDG10	SDG1, SDG8, SDG10	SDG1, SDG5, SDG8, SDG17
Objektif	• Mengukuhkan dana operasi PDK. • Menubuhkan aliran pendapatan mampan (<i>Sustainable Income</i>). • Membangun kapasiti staf dan sukarelawan. • Melatih semua staf dan sukarelawan dalam 4 modul teras yang berkaitan. • Memperkukuh sokongan dan kesedaran komuniti berkaitan OKU dan PDK.	• Melatih 20 peserta Orang Asli dalam kemahiran urutan tradisional. • Menubuhkan kumpulan perkhidmatan urutan komuniti sebagai langkah ke arah penjanaan pendapatan. • Meningkatkan kemahiran, keyakinan diri dan kesedaran komuniti tentang potensi ekonomi bidang urutan.	• Melatih 10 ibu tunggal dalam kemahiran menjahit. • Membentuk kumpulan/koop usahawan mikro jahitan untuk tempahan, perkongsian sumber dan pemasaran. • Meningkatkan kebolehan berdikari dan pendapatan ibu tunggal, mengurangkan kebergantungan bantuan kebajikan.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Hasil Jangkaan	• Modul pembelajaran menarik dan sesuai untuk anak-anak OKU. • Peningkatan motivasi dan kemahiran sosial anak-anak autisme. • Sokongan komuniti dalam bentuk sukarelawan atau sumbangan. • Pelan hala tuju pendidikan dan pembangunan kemahiran anak-anak OKU.	• 20 peserta dikenal pasti, dilatih dan kuasai teknik urutan. • Peserta menguasai asas keusahawanan, penetapan harga, tempahan, promosi dan pemasaran perkhidmatan. • Sijil penyertaan diserahkan dan pelan penubuhan kumpulan urutan komuniti dirangka untuk kesinambungan projek.	• Seramai 10 ibu tunggal berkemahiran dalam menjahit. • 10 unit mesin jahit bersaiz sederhana diberikan kepada peserta bagi memulakan perniagaan kecil. • Peningkatan peluang pendapatan dan kebolehan berdikari dalam kalangan peserta. • Projek ini dijangka dapat melahirkan ibu tunggal yang lebih berdaya saing dan berkemahiran.
Organisasi	Kelab Srikandi Mawaddah Maran	Kelab Juwita Anggun	Majlis Belia Daerah Maran
Aktiviti	• Bengkel idea keusahawanan dengan komuniti dan petugas. • Latihan keusahawanan sosial untuk petugas dan komuniti. • Latihan pengurusan kewangan asas. • Promosi di media sosial dan komuniti.	• Latihan teori asas (etika, keselamatan, asas urutan). • Amali teknik urutan tangan, kaki dan badan. • Simulasi urutan penuh secara berpandu. • Bengkel asas keusahawanan (harga, tempahan).	• Mewujudkan sistem pemilihan dan orientasi peserta beserta jadual latihan yang jelas. • Menjalankan latihan asas jahitan, penghasilan produk asas boleh jual,

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	• Hari Terbuka PDK / gotong-royong komuniti. • Pameran produk dan hasil kerja OKU.	• Bengkel promosi dan pemasaran perkhidmatan.	• modul pola dan potongan sehingga 1 pakaian siap pakai. • Mewujudkan platform pemasaran dan katalog digital. • Mewujudkan skim aset dan SOP penggunaan dengan penyerahan 10 mesin jahit kepada peserta berprestasi. • Mewujudkan jaringan rakan strategik untuk latihan lanjutan, pembiayaan mikro dan akses pasaran.
Jumlah (RM)	RM 40,000.00	RM 40,000.00	RM 40,000.00
Lokasi	Kampung Bak-Bak	Kampung Paya Besar	Kampung Bukit Segumpal
Tempoh	3 bulan	3 bulan	3 bulan

6.0 RUJUKAN

Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Maran, Pahang 2035 (Penggantian), Jilid 1: Penyata Bertulis dan Peta Cadangan. n.d. n.p.: n.p. (Jilid I; tempoh penyediaan 9 Mei 2022–9 Mei 2023).

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. Statistik Subnasional: Parlimen dan DUN — P.086 Maran. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

PLANMalaysia. n.d.-b. Laporan Pangkalan Data Geospatial: Rancangan Tempatan Majlis Daerah Maran 2035 (Penggantian). n.p.: PLANMalaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (t.t.). Semakan Daftar Pemilih. Diambil daripada <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>